

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَجْهِ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (NEGERI SEMBILAN)
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

YAMIN BIN YASIN

KETUA UNIT KUALITI :

NUR NADIA BINTI DZULKIFLI

PENYELARAS :

ASIAH BINTI ABDULLAH

PENULIS :

1. SITI SYAIDA BINTI SIRAT
2. WAN ELINA FARADILLA BINTI WAN KHALID
3. SITI NAFISAH BINTI MD RASHID
4. NORANI BINTI AMIT
5. NUR NADIA BINTI DZULKIFLI
6. SARAH MARDHIAH BINTI SELAMAT
7. NOR FADHLIN BINTI JAAFAR

8. AZ'LINA BINTI ABDUL HADI
9. MAHFUZAH BINTI MAHAYADIN
10. NOOR HIDAYAH BINTI MOHD ZAKI
11. MASITAH BT AHMAD
12. NORNADIAH BINTI MOHD RAZALI
13. MARDIANA BINTI AHMAD
14. NOR AKMALAZURA BINTI JANI
15. MOHAMAD SHAHRIMI BIN HASHIM
16. FAIKAH BINTI AWANG @ ISMAIL
17. NURUL AUNI BINTI ZAINAL ABIDIN
18. ZAIDATULHUSNA BINTI MOHD ISNANI
19. RAFIZAN BINTI ABDUL RAZAK
20. ROSDI BIN SAFIAN
21. MOHD ELFEE BIN AB RASHID
22. AHMAD SYAKIR SALMAN BIN SALLEH @ ABDUL LATIF
23. SITI NOOR DINA BINTI AHMAD
24. NORWATI BT HJ. ROSLIM
25. NORFAZLIKA BINTI ABD KARIM
26. NUR SOFIAH BINTI ABU KASSIM
27. NURUL SYAFAWANI BINTI HALIM
28. MOHD ISLAH BIN MOHD YUSOF
29. SRI YUSMAWATI BINTI MOHD YUNUS
30. RAFIDAH BINTI KAMARUDIN
31. ASIAH BINTI ABDULLAH
32. NORLIS BT OSMAN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan kanan UiTMCNS diterajui oleh seorang Rektor, dibantu oleh tiga Timbalan Rektor yang terdiri daripada Timbalan Rektor HEA, Timbalan Rektor HEP dan Timbalan Rektor PJIM&A, dua Penolong Rektor serta turut dibantu oleh Dekan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) dan timbalannya bagi menyokong model cawangan berfakulti di UiTMCNS. Penolong Rektor memainkan peranan sebagai wakil kepimpinan kanan UiTMCNS di dua kampus pembiayaan inisiatif swasta (PFI) iaitu di Seremban dan Rembau. Walaupun mengendalikan tiga kampus yang berbeza serta satu fakulti, kerjasama yang baik di antara kesemua kepimpinan kanan UiTMCNS dalam merancang, mengorganisasi, memimpin serta mengawal selia usaha warganya bagi mencapai matlamat organisasi telah berjaya membentuk sebuah pasukan yang dinamik dalam menerajui UiTMCNS.

Bagi mendukung visi, misi serta objektif UiTM amnya dan merealisasikan Pelan Strategik UiTM 2025 secara khususnya, kepimpinan kanan UiTMCNS telah menetapkan **jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan** sebagai kombinasi teras utama dalam menentukan halatuju dan pembangunan perancangan strategik kampus bagi tahun 2019 – 2020. Penetapan ini juga dibuat dengan berpandukan kepada Objektif Kualiti UiTMCNS yang di antaranya merupakan komitmen UiTMCNS untuk memastikan penglibatan pelajar dalam program kepimpinan dan khidmat masyarakat di peringkat nasional dan antarabangsa serta memastikan kecemerlangan dalam pemindahan ilmu melalui program berbentuk sangkutan dan mewujudkan memorandum persefahaman. Ini selaras dengan visi UiTM untuk menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan.

Melalui penetapan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan sebagai kombinasi teras bidang tumpuan utama, Bahagian PJIM&A secara tidak langsung merupakan bahagian yang memainkan peranan utama dalam pelaksanaan projek inisiatif utama bagi bidang tumpuan ini. Terdapat enam unit utama di bawah naungan Bahagian PJIM&A yang terdiri daripada Unit Penyelidikan dan Perundingan (RMU), Unit Penulisan dan Penerbitan, Unit Inovasi dan Pengkomersilan, Unit Industri, Komuniti dan Jaringan Alumni (ICAN), Unit Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED) dan Unit Informasi. Bahagian PJIM&A bukan sahaja berperanan untuk memastikan keselarasan gerak kerja kesemua kampus serta satu fakulti di UiTMCNS tetapi juga untuk memastikan petunjuk prestasi (PI) utama yang telah ditetapkan bagi bidang tumpuan utama kampus dapat dipantau dengan teliti serta mencapai keberhasilan. Namun, tidak dapat dinafikan, bahagian dan unit lain seperti Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) juga memainkan peranan dalam pelaksanaan projek inisiatif utama bagi bidang tumpuan ini melalui penganjuran aktiviti di peringkat fakulti dan pusat pengajian.

Selain daripada mendukung visi, misi serta objektif UiTM, merealisasikan Pelan Strategik UiTM 2025 serta Objektif Kualiti UiTMCNS, misi dan objektif Bahagian PJIM&A juga telah ditetapkan hasil daripada perbincangan melalui beberapa siri mesyuarat. Misi dan objektif Bahagian PJIM&A seterusnya dihebah dan di dokumentasi bagi tujuan semakan dan rujukan. Rajah 1.1 menunjukkan fungsi teras UiTM bagi tadbir urus jaringan industri, masyarakat dan alumni (Rujuk Manual Tadbir Urus 1UiTM: Multisistem).

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Inisiatif yang telah dibuat oleh kepimpinan kanan dapat dilihat melalui perancangan hala tuju bersama warga kerjanya dengan menggariskan 13 KPI (Tahun 2019) dan 17 KPI (Tahun 2020) bagi bidang utama jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Salah satu pendekatan yang efektif yang diambil oleh kepimpinan kanan UiTMCNS dalam memastikan keselarasan gerak kerja kesemua kampus UiTMCNS ialah melalui pemantauan pencapaian petunjuk prestasi (PI) Unit ICAN iaitu unit yang terlibat secara langsung dengan bidang tumpuan utama kampus serta pemantauan pencapaian PI bagi bahagian dan unit lain seperti BHEA dan BHEP. Kesemua bahagian dan unit ini berperanan untuk menghubungkan UiTMCNS dengan pihak luar berkepentingan yang terdiri daripada industri, komuniti dan alumni. Jaringan ini amatlah penting untuk bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran graduan (GE) UiTM, malah untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan serta sebuah universiti tersohor menjelang tahun 2025.

Di antara peranan yang dimainkan oleh BHEA adalah untuk memastikan penglibatan mahasiswa dalam mobiliti ke universiti luar negara serta disangkutkan di industri antarabangsa. Manakala peranan yang dimainkan oleh BHEP adalah untuk memastikan penganjuran program keusahawanan mahasiswa secara kolaborasi bersama industri dan masyarakat. Unit ICAN iaitu unit yang terlibat secara langsung dengan bidang tumpuan utama kampus pula berperanan dalam mengkoordinasi hubungan bersama industri melalui kerjasama strategik (Memorandum Persefahaman/ Memorandum Perjanjian) yang lestari. Pemantauan PI bagi Unit ICAN ini telah dijalankan dengan menggunakan Sistem Maklumat Analisa dan Repositori (SMART) bagi pelaporan aktiviti serta menilai keberkesanan penganjuran sesuatu aktiviti bersama industri, komuniti dan alumni di UiTMCNS.

Kepimpinan kanan UiTMCNS sedar bahawa Unit ICAN tidak mampu bergerak sendiri tanpa sokongan yang padu daripada seluruh warga UiTMCNS. Keberhasilan bidang tumpuan ini adalah sukar untuk dicapai dengan hanya satu unit yang memainkan peranannya. Oleh itu, bagi menentukan kejayaan UiTMCNS dalam mencapai keberhasilan bidang tumpuan ini, kesejajaran usaha serta pemantauan yang berterusan amatlah penting. Salah satu usaha yang telah dibuat oleh Kepimpinan kanan UiTMCNS bagi menggerakkan Unit ICAN dan unit serta bahagian yang lain adalah dengan melantik seorang pengarah projek, seorang pengurus projek serta ahli projek untuk menggalas tanggungjawab dalam mengerak dan melestari aktiviti yang telah dirancang di peringkat PTJ.

Dua lagi pendekatan yang efektif yang diambil oleh kepimpinan kanan UiTMCNS adalah dengan menubuhkan Persatuan ALUMNI UiTMCNS serta memansuhkan jawatan Penyelaras ALUMNI, yang mana peranannya telah diserap masuk serta dipertanggungjawab kepada Koordinator ICAN. Tujuan penubuhan persatuan ini adalah bagi menjamin kelestarian jaringan ALUMNI serta memastikan aktiviti ALUMNI dapat dianjurkan dengan lebih aktif di masa akan datang. Manakala pemansuhan jawatan Penyelaras ALUMNI adalah bagi memperluaskan penglibatan ALUMNI serta impak penganjuran aktiviti ALUMNI melalui penstrukturan Unit ICAN.

Seterusnya, kepimpinan kanan UiTMCNS juga telah mengambil pendekatan untuk memberi penekanan yang khusus terhadap inisiatif untuk mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU)/ Memorandum Perjanjian (MoA) di antara UiTMCNS dengan organisasi luar (kebangsaan dan antarabangsa) berdasarkan PI yang telah ditetapkan. Setakat ini, UiTMCNS telah berjaya mengadakan MoU/MoA bersama dengan organisasi antarabangsa seperti Andalas University Padang, Indonesia dan organisasi kebangsaan seperti Majlis Perbandaran

... dan Universiti, Universiti Sultan Ibrahim, dan Universiti Teknologi Malaysia. Kemajuan Negeri Sembilan. Secara amnya, tujuan kolaborasi dan kerjasama ini dijalankan adalah bagi menaikkan nama universiti, memberi manfaat kepada pelajar dan staf, komuniti dan pihak universiti. Aktiviti kolaborasi dan kerjasama secara tidak langsung memberi nilai tambah kepada pelajar dengan membantu meningkatkan kemahiran insaniah serta semangat kesukarelawan. Manakala aktiviti kolaborasi dan kerjasama dengan staf universiti dalam projek penyelidikan, rundingcara dan aktiviti yang berbentuk perindustrian mampu menyumbang kepada penemuan atau/dan pengembangan ilmu pengetahuan dan kemajuan modal insan serta berpotensi menghasilkan kekayaan dan seterusnya membangunkan negara. Sila rujuk Jadual 1.2 seperti di lampiran 1.2.2.

SENARAI BUKTI:

1. [1.2.1 Bukti_PELAN TINDAKAN STRATEGIK KPI-PI TAHUN 2021 .pdf](#)
2. [1.2.2 Lampiran_Jadual 1.2 Ringkasan Bagi Pendekatan Yang Diamalkan Oleh Kepimpinan Kanan.pdf](#)
3. [1.2.3 Bukti_Penubuhan Persatuan Alumni.pdf](#)
4. [1.2.4 Bukti_SENARAI KERJASAMA \(MoA_MoU\) UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN ORGANISASI LUAR.pdf](#)
5. [1.2.5 Bukti_Sistem Maklumat Analisa & Repositori 'SMART'.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Sejajar dengan aspirasi UiTM untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan serta sebuah universiti tersohor menjelang tahun 2025, Pelan Perancangan Strategik UiTMCNS 2016 – 2020 terdahulunya telah dirancang dan didokumenkan dengan penetapan objektif strategik yang perlu dicapai dalam tempoh lima tahun. Penetapan objektif strategik ini dibuat hasil daripada penganjuran dua buah siri bengkel perancangan strategik iaitu Bengkel Pelan Perancangan Strategik UiTMCNS 2016 – 2020 pada 7 dan 8 Oktober 2015 dan diikuti oleh Bengkel Pensejajaran Semula Pelan Perancangan Strategik UiTMCNS 2016 – 2020 pada 31 Mac 2016 yang memfokuskan kepada tujuh teras utama dalam menentukan hala tuju dan perancangan kampus bagi tempoh lima tahun dengan berpandukan kepada Kerangka RMK-11 2016 – 2020.

Bagi memastikan visi, misi dan objektif UiTM, Pelan Strategik UiTM 2025, Objektif Kualiti UiTMCNS, Pelan Perancangan Strategik UiTMCNS 2016 – 2020 yang terdahulunya telah dirancang serta misi dan objektif Bahagian PJIM&A dijadikan panduan serta menjadi amalan seluruh UiTMCNS untuk mencapai keberhasilan bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan, kepimpinan kanan telah menyebarkan maklumat berkaitan melalui beberapa mekanisme (Rujuk Jadual 1.3 di lampiran 1.3.1). Kepelbagaian mekanisme ini adalah bagi memastikan penyebaran dilakukan secara sistematik dan menyeluruh serta dapat dihayati sepenuhnya oleh warga UiTMCNS dan pihak berkepentingan. Hasilnya, UiTMCNS terbentuk menjadi satu kampus yang mampan dan bergerak selari menuju ke arah pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Justeru, kecemerlangan bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan menjadi antara penyumbang utama kepada pencapaian cemerlang UiTMCNS bagi tahun 2019 – 2020.

Manakala penyampaian khusus bagi visi, misi dan objektif serta sasaran PI Bahagian PJIM&A UiTMCNS dibuat melalui sesi perjumpaan Rektor bersama staf serta penganjuran program Jerayawara di ketiga-tiga kampus UiTMCNS. Ianya bertujuan untuk membuat hebahan secara holistik kepada seluruh warga kampus berkaitan peranan, tanggungjawab dan aktiviti yang dianjurkan di bawah Bahagian PJIM&A untuk mencapai PI yang telah ditetapkan.

SENARAI BUKTI :

1. [1.3.1 Lampiran_Jadual 1.3 Mekanisme Penyebarluasan Maklumat.pdf](#)
2. [1.3.2 Bukti_Pendekatan hebahan kepada warga UiTMCNS_Jerayawara.pdf](#)
3. [1.3.3 Bukti_JEMPUTAN MENGHADIRI JERAYAWARA PJIM&A UiTMCNS BAGI TAHUN 2020.pdf](#)
4. [1.3.4 Bukti_Anugerah_KHIDMAT KEPAKARAN.pdf](#)
5. [1.3.5 Bukti_Anugerah_MOU.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan kanan UiTMCNS sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi bagi merealisasikan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. Ini dapat dilihat melalui melalui pelaporan bulanan pencapaian inisiatif PI oleh Pengarah Projek kepada Rektor. Di peringkat Bahagian PJIM&A, hasil pengurusan dan prestasi dinilai berdasarkan pelaporan pencapaian PI Unit ICAN. Justeru, pelan pemantauan yang rapi dan sistematik bagi pencapaian PI telah dilaksanakan melalui beberapa mekanisme seperti menggunakan Sistem Maklumat Analisa dan Repositori (SMART), IRES, ICONS dan PRISMa. Pelan pemantauan ini secara khususnya meliputi pelaporan aktiviti serta penilaian tahap keberkesanan penganjuran sesuatu aktiviti bersama industri, komuniti dan alumni di UiTMCNS. Melalui pelaporan tersebut, pimpinan kanan UiTMCNS dapat menilai dan merangka beberapa perancangan untuk memantapkan lagi aktiviti bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Ianya merupakan satu pelan pemantauan yang komprehensif di mana melalui pelaksanaan pelan pemantauan ini, punca kegagalan sesuatu inisiatif yang diusahakan dapat dikenalpasti serta dapat diatasi di masa akan datang.

Jadual 1.4 (sila rujuk lampiran 1.4.1) menunjukkan salah satu keadaan di mana satu inisiatif hampir gagal untuk diusahakan namun telah berjaya diatasi melalui tindakan penambahbaikan berdasarkan pelaksanaan pelan pemantauan.

Walau bagaimanapun, satu pelan pemantauan yang umum juga telah dilaksanakan untuk memastikan kesemua unit dan bahagian di UiTMCNS memainkan peranan mereka dalam menyokong objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang tumpuan utama. Rajah 1.2 (sila rujuk lampiran 1.4.1) menunjukkan ringkasan bagi pelan pemantauan umum kepimpinan kanan UiTMCNS.

1.4.1.1 Perancangan Strategik Yang Dinamik

Kepimpinan kanan UiTMCNS sentiasa peka terhadap keperluan dan cabaran semasa universiti khususnya dan negara amnya dalam melahirkan graduan yang holistik dan global. Bagi memenuhi aspirasi ini, setiap pusat tanggungjawab (PTJ) sentiasa bersedia memainkan peranan masing-masing untuk memastikan perancangan strategik kampus dapat dicapai (Rujuk 2.0 Perancangan Strategik). Pelan pemantauan terhadap perancangan strategik yang dinamik merupakan di antara usaha yang dijalankan bagi memastikan sesuatu pencapaian itu dapat diukur dan dijadikan sebagai penanda aras kepada objektif dan inisiatif strategik yang lain. Melalui pelan pemantauan perancangan strategik ini juga objektif dan inisiatif strategik bagi bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan dibangunkan serta dilaksanakan.

Di peringkat PTJ, Bahagian PJIM&A turut mengambil pendekatan yang proaktif dengan menganjurkan bengkel perancangan strategik PJIM&A. Penganjuran bengkel ini adalah bertujuan untuk merangka pelan strategi bagi mencapai PI yang telah dipertanggungjawab kepada Bahagian PJIM&A UiTMCNS serta memastikan setiap unit di bawahnya dapat turut bersama merancang pelan strategik yang komprehensif dan efektif. Bagi tujuan pemantauan di peringkat PTJ, pemantauan dijalankan secara bulanan oleh Ketua PTJ. Manakala pemantauan

Bersama Rektor yang dijalankan 5 bulan sekali amalan penting dalam membantu Pengarah Projek untuk mengenalpasti permasalahan yang timbul bagi aktiviti yang dilaksanakan di setiap fasa. Pelan pemantauan perancangan strategik bagi bidang tumpuan utama ini secara keseluruhannya dijalankan oleh kepimpinan kanan UiTMCNS melalui pembentangan setiap Ketua PTJ di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN). Seterusnya, Koordinator ICAN membuat pelaporan pencapaian setiap PI ketika sesi mesyuarat bersama dengan Timbalan Rektor PJIM&A, yang diadakan sekali pada setiap tahun. Malah, pelaporan secara berkala juga turut dihantar kepada Unit Strategik dan Transformasi Universiti (STU) UiTMCNS untuk dilaporkan kepada Bahagian Transformasi Universiti (BTU) (Rujuk Kriteria 2: Perancangan Strategik).

1.4.1.2 Komunikasi Berkesan

Salah satu elemen utama kepimpinan adalah komunikasi yang berkesan. Kepimpinan kanan UiTMCNS sedar bahawa tanpa komunikasi dua hala yang berkesan di antara kepimpinan kanan dan warganya, proses penyampaian maklumat tidak dapat berjalan dengan lancar serta visi, misi dan objektif UiTM, Pelan Strategik UiTM 2025, Objektif Kualiti UiTMCNS, Pelan Perancangan Strategik UiTMCNS 2016 – 2020 yang terdahulunya telah dirancang serta misi dan objektif Bahagian PJIM&A juga tidak akan dapat dijayakan. Justeru itu, bagi tujuan pemantauan, kepimpinan kanan telah mengambil pendekatan untuk memantapkan komunikasi dua hala melalui Sesi Perbincangan Data Petunjuk Prestasi Bersama Bahagian (Rujuk Kriteria 2: Perancangan Strategik).

Sesi perbincangan ini juga diadakan bertujuan untuk membincangkan strategi penambahbaikan khususnya bagi PI dalam perhatian bersama PTJ Bahagian/Pemegang PI. PTJ Bahagian/Pemegang PI bertindak meneliti semula tindakan yang boleh diambil untuk mencapai sasaran PI. Selain daripada mengadakan sesi perbincangan, pelan pemantauan melalui komunikasi dua hala ini juga menggunakan pelbagai saluran bagi mencapai tujuan yang dinyatakan seperti kumpulan *WhatsApp*, e-Aduan, emel rasmi, mesyuarat, taklimat, informasi di laman sesawang dan sebagainya. Sebagai contoh, Ketua PTJ menjalankan sesi perbincangan dua hala dengan pegawai yang bertanggungjawab (PIC) bagi setiap PI yang telah diamanahkan untuk berkongsi maklumat terkini, status program yang telah dirangka serta sebarang permasalahan yang timbul melalui kumpulan *WhatsApp* yang diwujudkan.

1.4.1.3 Pengauditan Berkala

Akauntabiliti kepimpinan kanan UiTMCNS sentiasa dinilai dan dipantau melalui sesi pengauditan berkala. Oleh yang demikian, pengauditan berkala telah dijadikan sebagai salah satu pelan pemantauan kepimpinan kanan dengan sentiasa memberi dorongan serta peringatan yang berterusan kepada warganya untuk melibatkan diri di dalam aktiviti jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan. Staf yang terlibat juga diingatkan agar menyediakan dokumen serta maklumat yang lengkap bagi setiap aktiviti jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan yang telah dipohon untuk dijalankan. Manakala penilaian keberkesanan aktiviti dibuat setelah sesuatu aktiviti selesai dijalankan. Ini secara amnya dapat menilai pencapaian PI yang telah ditetapkan. Penambahbaikan bagi proses kerja pula dilaksanakan dengan kadar segera bagi memastikan kelancaran pelaksanaan aktiviti jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan di masa hadapan. Jadual 1.5 (sila rujuk lampiran 1.4.1) menunjukkan ringkasan pengauditan berkala bagi menilai dan memantau akauntabiliti kepimpinan kanan UiTMCNS.

UiTMCNS sentiasa menerima kunjungan pasukan audit luar serta menjalankan audit dalam secara berterusan sepanjang tahun untuk memastikan sistem pengurusan adalah telus dan berakauntabiliti. Audit dalam dilaksanakan secara berkala oleh staf yang telah lulus Kursus Audit Dalam dan seterusnya dilantik sebagai auditor dalam. Penerangan yang terperinci akan diberikan kepada auditor dalam sebelum proses pengauditan dijalankan. Manakala, audit luar pula dijalankan oleh auditor luar seperti Audit Luar InQKA (ERR). Setiap laporan dan teguran yang diberikan oleh juruaudit akan dimaklumkan kepada setiap bahagian/unit yang terlibat supaya tindakan pembetulan dapat dilakukan, dilaporkan dan direkodkan bagi tujuan penambahbaikan sistem pengurusan secara terperinci dan kolektif.

Walaupun Bahagian PJIM&A tidak menjadi fokus utama pengauditan yang melibatkan auditor luar, kepimpinan kanan UiTMCNS tetap memberikan perhatian terhadap Bahagian PJIM&A terutamanya Unit ICAN berdasarkan peranan yang dimainkan olehnya dalam pelaksanaan aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Ini dilakukan melalui mekanisme pengauditan berkala yang lain seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 1.5.

1.4.1.4 Semakan/Penstrukturan Semula Pelan Perancangan Strategik UiTMCNS

Kepimpinan kanan UiTMCNS memfokuskan setiap tindakan dalam mencapai visi, misi dan objektif UiTM, Pelan Strategik UiTM 2025, Objektif Kualiti UiTMCNS, Pelan Perancangan Strategik UiTMCNS 2016 – 2020 yang terdahulunya telah dirancang serta misi dan objektif Bahagian PJIM&A dengan memberi keutamaan kepada bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Pelan pemantauan kepimpinan kanan melalui semakan/penstrukturan semula pelan perancangan strategik UiTMCNS yang telah dirancang dijalankan dengan mengguna pakai mekanisme penganjuran bengkel anjuran Unit STU UiTMCNS. Penganjuran bengkel ini membolehkan semua PTJ terlibat membentang dan menambahbaik perancangan strategik yang sedia ada.

Selain daripada penganjuran bengkel, pengendalian mesyuarat merupakan di antara mekanisme utama yang telah ditetapkan bagi menentukan fokus terhadap pelan tindakan yang perlu dilaksanakan. Jadual 1.6 (sila rujuk lampiran 1.4.1) menunjukkan ringkasan mekanisme pelaksanaan Pelan Inisiatif Perancangan Strategik UiTMCNS 2016 – 2020. Manakala Jadual 1.7 (sila rujuk lampiran 1.4.1) menunjukkan ringkasan kekerapan pengendalian mesyuarat di UiTMCNS yang merupakan salah satu usaha ke arah pengauditan berkala. Kepimpinan kanan UiTMCNS mengendalikan mesyuarat secara berkala sebagai proses semakan dan penstrukturan terhadap objektif dan inisiatif strategik yang telah ditetapkan bagi mencapai keberhasilan bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan.

SENARAI BUKTI:

1. [1.4.1 Lampiran Rajah dan Jadual.pdf](#)
2. [1.4.1.1 Bukti_Pelaporan Pemantauan dan Pelaporan Analisis Pencapaian PI UiTM - UiTM CNS .pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Secara dasarnya, risiko adalah penyebab utama ketidakpastian dalam organisasi akibat kebarangkalian berlakunya kejadian negatif akibat kelemahan dalaman atau luaran organisasi yang boleh ditangani melalui perancangan awal. Oleh itu, kepimpinan kanan UiTMCNS sentiasa berusaha sedaya upaya untuk mengenal pasti, menganalisis dan menilai apa-apa sahaja yang boleh memberi ancaman atau peluang kepada kampus. Pandemik Covid-19 yang sedang melanda negara telah memberi impak yang besar terhadap UiTMCNS dalam melaksanakan fungsi dan mencapai objektif dan PI yang telah disasarkan bagi tahun 2019 dan 2020. Hal ini dapat dilihat dari segi perubahan dalam pengurusan sumber manusia yang meninggalkan implikasi secara langsung kepada keupayaan kampus untuk mencapai objektif dan PI bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan.

Walaupun risiko tidak boleh dihapuskan, ianya boleh ditangani melalui perancangan awal. Rajah 1.3 (sila rujuk lampiran 1.4.2) menunjukkan kepentingan menguruskan risiko bagi kepimpinan kanan UiTMCNS.

Menyedari kepentingan tersebut, kepimpinan kanan UiTMCNS telah mengenal pasti risiko melalui pelan pemantauan pencapaian PI yang telah dijalankan bagi bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan (Rujuk 1.4 Kriteria 1: Kepimpinan). Jadual 1.8 (sila rujuk lampiran 1.4.2) menunjukkan risiko utama yang telah dikenal pasti. Rujuk 2.4.3. (Kriteria 2: Perancangan Strategik) bagi perincian risiko yang telah dihadapi oleh UiTMCNS bagi tahun 2019 dan 2020.

1.4.2.1 Mekanisme Pengurusan Risiko

Kepimpinan kanan UiTMCNS memberi perhatian yang khusus terhadap pengurusan risiko bagi bidang tumpuan utamanya. Oleh itu, beberapa langkah yang proaktif telah diambil untuk mencapai keberhasilan bidang tumpuan ini. Jawatankuasa Risiko UiTMCNS telah ditubuhkan dan Daftar Risiko telah diwujudkan dalam usaha untuk menangani sebarang risiko yang boleh mengganggu dan menjejaskan pelaksanaan operasi di UiTMCNS. Rajah 1.4 (sila rujuk lampiran 1.4.2) menunjukkan proses pengurusan risiko yang diamalkan oleh kepimpinan kanan UiTMCNS.

Sebelum sesuatu risiko dapat diatasi, perbincangan dalam mesyuarat di peringkat bahagian/unit masing-masing diadakan bagi mengenal pasti jenis, punca, impak serta tindakan pencegahan risiko di masa hadapan. Sekiranya aktiviti dianjurkan di peringkat fakulti, pusat pengajian atau jabatan, Ketua Pusat Pengajian (KPP)/Koordinator bertanggungjawab membuat pelaporan ke dalam SMART. Manakala Koordinator ICAN bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaian semasa bagi setiap unit kepada Penyelaras BTU yang kemudiannya memajukan pelaporan tersebut kepada Rektor. Namun, sekiranya terdapat sebarang permasalahan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat kampus, ianya akan dibawa ke peringkat induk (Penolong Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor) melalui Mesyuarat JPN dan JJN untuk dibincangkan dan diselesaikan.

Bagi mengatasi risiko utama yang dihadapi oleh Bahagian Kemahasiswaan UiTMNS akan mencapai objektif dan PI yang telah disasarkan bagi bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan, langkah-langkah berikut telah diambil (Rujuk Jadual 1.9 seperti di lampiran 1.4.2). Rujuk 2.4.3. (Kriteria 2: Perancangan Strategik) bagi perincian risiko yang telah dihadapi oleh UiTMCNS bagi tahun 2019 dan 2020 dan mekanisme pengurusan risiko.

SENARAI BUKTI :

1. [1.4.2 Lampiran Rajah dan Jadual.pdf](#)

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan kanan UiTMCNS telah membuat analisa serta mengambil tindakan penambahbaikan prestasi untuk mencapai PI yang telah ditetapkan bagi bidang tumpuan aktiviti jaringan industri, alumni dan kesukarelawan. Hasil daripada pelaksanaan analisa, faktor manusia (*human factor*) telah dikenalpasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada pencapaian keseluruhan PI yang telah ditetapkan. Oleh itu, penambahbaikan prestasi hasil telah dirangka dengan memberi tumpuan terhadap faktor utama tersebut. Jadual 1.10 (sila rujuk lampiran 1.4.3) menunjukkan tindakan penambahbaikan prestasi oleh kepimpinan kanan hasil daripada pelaksanaan analisa.

Tindakan penambahbaikan prestasi ini telah membuahkan hasil apabila faktor manusia telah dapat ditangani. Hasilnya, Bahagian PJIM&A UiTMCNS berjaya melaksanakan projek industri dan komuniti dengan mendapatkan tajaan luar daripada Yayasan *Khind Starfish* dengan pembiayaan maksimum yang ditawarkan sehingga RM10,000. Persatuan Alumni UiTMCNS juga telah berjaya didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Malaysia pada 13 April 2021 setelah melalui beberapa proses pendaftaran pada tahun 2020.

SENARAI BUKTI :

1. [1.4.3 Lampiran Rajah dan Jadual.pdf](#)
2. [1.4.3.1 Bukti_Senarai Penerima Geran Project Khind Starfish Foundation 2019.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan yang dibuat oleh kepimpinan kanan UiTMCNS adalah melalui beberapa mekanisme dan di antaranya melalui pembudayaan dalam kurikulum universiti. Kepimpinan kanan UiTMCNS menerapkan pengalaman pembelajaran yang menghubungkan kaitkan teori dan praktis dengan penyelesaian permasalahan sebenar dalam komuniti serta berteraskan kasih sayang, kegembiraan dan saling menghormati. Ianya dapat dilihat melalui pelaksanaan kaedah Service Learning Malaysia - University For Society (SULAM) dalam silibus kursus Applied Microbiology (Industry) MIC344 bagi pelajar Diploma Mikrobiologi di UiTMCNS Kampus Kuala Pilah. Selain daripada kursus Applied Microbiology (Industry) MIC344 bagi pelajar Diploma Mikrobiologi, kaedah SULAM juga telah dilaksanakan dalam silibus kursus Media Law, Ethics and Regulation COM540 bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa di UiTMCNS Kampus Rembau.

Perlaksanaan kaedah SULAM dalam silibus bagi kedua-dua kursus ini adalah selari dengan konsep 'Universiti Untuk Masyarakat' yang merupakan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi serta kerjasama strategik dengan institusi pengajian tinggi (IPT), industri, agensi kerajaan dan komuniti. Melalui amalan ini, pelajar dapat menggabungkan objektif pembelajaran kursus dengan khidmat masyarakat serta menyelesaikan permasalahan setempat dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari sepanjang pengajian.

Melalui usaha pembudayaan yang dibuat oleh kepimpinan kanan UiTMCNS, pencapaian PI bagi bidang utama jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan dapat dilihat melalui kejayaan UiTMCNS merangkul sebanyak dua anugerah ketika berlangsungnya Mesyuarat Timbalan Naib Canselor ICAN bersama Rektor, Dekan, Timbalan Rektor Kampus (PJI) dan Timbalan Dekan ICAN dan PJI (MeTIC 7). Dua anugerah tersebut adalah Anugerah Jaringan Alumni: Kategori Khidmat Kepakaran (Tempat Kedua) dan Anugerah Jaringan Industri: Kategori MoU & MoA (Tempat Kedua). Penganugerahan yang diperolehi sekaligus membuktikan bahawa kepimpinan kanan UiTMCNS sentiasa komited dalam membangunkan modal insan, menyalurkan kepakaran, mewujudkan peluang keusahawanan dan membantu masyarakat yang memerlukan melalui tadbir urus yang dinamik, sistematik serta efisien, dan sekaligus memastikan keberhasilan bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan.

Jadual 1.6 dan Jadual 1.7 (Rujuk 1.4.1.3 Kriteria 1: Kepimpinan) menunjukkan mekanisme integrasi oleh kepimpinan kanan UiTMCNS melalui pengendalian mesyuarat secara berkala untuk menyemak dan menstruktur objektif dan inisiatif strategik yang telah ditetapkan bagi mencapai keberhasilan bidang jaringan komuniti, alumni dan kesukarelawan.

SENARAI BUKTI :

1. [1.5.1 Bukti_Perlaksanaan Kaedah Sulam.pdf](#)
2. [1.5.2 Bukti_MOU.pdf](#)
3. [1.5.3 Bukti_Khidmat Kepakaran.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penghasilan Dokumen Pelan Perancangan Strategik UiTMCNS 2016-2020 terbentuk hasil daripada penganjuran Bengkel Pelan Perancangan Strategik 2016-2020 pada 7 dan 8 Oktober 2015, diikuti oleh Bengkel Pensejajaran Semula Pelan Perancangan Strategik UiTMCNS 2016-2020 pada 31 Mac 2016. Tiga dokumen rasmi telah dijadikan asas dalam pembangunan perancangan strategik UiTMCNS iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Kerangka RMK-11 2016 - 2020 Universiti Teknologi MARA, dan Headline KPI (HKPI) formula peruntukan belanjawan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Selain itu, UiTMCNS turut melaksanakan aktiviti penambahbaikan secara berterusan terhadap Projek Inisiatif Utama kampus melalui Taklimat Pemantapan Projek Inisiatif Utama pada 3 Mei 2018 dan seterusnya Bengkel Pemurnian dan Pemantapan Projek Inisiatif Kampus pada 1 Ogos 2018. Dalam menetapkan pelan strategi untuk tahun 2019 dan 2020, UiTMCNS turut berpandukan kepada pelan strategik yang terkandung di dalam Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025) yang telah dilancarkan pada 9 Februari 2020, di mana ia dijadikan sebagai kayu ukur penentuan akan pencapaian tahunan bagi setiap kampus.

Pada tahun 2020, UiTMCNS telah menerima pertambahan bilangan petunjuk prestasi (PI) yang berkaitan dengan bidang tujuhan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan berbanding tahun sebelumnya, iaitu daripada 13 PI kepada 17 PI. Pelaksana bagi setiap PI di bawah bidang tujuhan ini telah diamanahkan kepada Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A) untuk disempurnakan sepanjang tempoh 2019 dan 2020, dengan dibantu oleh PTJ-PTJ lain seperti Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP). Setiap PTJ bertanggungjawab untuk merangka program-program yang bersesuaian sewaktu sesi bengkel perancangan strategik anjuran Unit Strategik dan Transformasi Universiti (STU) UiTMCNS diadakan pada awal tahun 2019 dan 2020. Melalui penubuhan dan pelantikan pasukan projek yang diketuai oleh pengarah projek, setiap program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih bersistematik dan berkesan.

Di peringkat PJIM&A, pemantauan secara berkala diadakan, di mana koordinator ICAN berperanan untuk melaporkan pencapaian PI pada setiap kali sesi mesyuarat bersama dengan Timbalan Rektor PJIM&A diadakan. Aktiviti pemantauan turut dilakukan oleh pegurusan tertinggi UiTMCNS, menerusi pembentangan setiap ketua PTJ di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), pengemaskinian data pencapaian PI yang dihantar kepada Penyelaras Unit STU menerusi emel setiap 3 bulan, serta pengemaskinian penganjuran aktiviti menerusi Sistem Maklumat Analisa & Repositori (SMART) yang dipantau secara langsung oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Sementara itu, data Analisa Pencapaian Keseluruhan PI UiTMCNS yang diekstrak melalui sistem i-UiTM Result Repository, sistem UePMO v3 dan Dashboard, akan dibentangkan kepada pasukan projek untuk perhatian dan tindakan penambahbaikan.

Melalui mekanisme ini, pengurusan kampus dapat mengenal pasti bilangan PI yang masih belum disempurnakan, seterusnya mengambil langkah intervensi agar ia dapat dicapai menjelang hujung tahun. Pendekatan sebegini membolehkan UiTMCNS memenuhi kesemua PI yang berkaitan untuk tempoh dua tahun, sekaligus merangkul dua anugerah sewaktu Mesyuarat Timbalan Naib Canselor ICAN bersama Rektor, Dekan, Timbalan Rektor Kampus (PJI) & Timbalan Dekan ICAN & PJI (MeTIC 7) iaitu Tempat Kedua Anugerah Jaringan Industri Kategori MoU/MoA, dan Tempat Kedua Anugerah Jaringan Alumni Kategori Khidmat Kepakaran. Pencapaian sasaran PI di bawah ICAN juga telah menyumbang kepada pencapaian cemerlang petunjuk prestasi UiTMCNS tahun 2020 dengan penarafan enam bintang oleh Pengurusan UiTM.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dengan pertambahan bilangan PI melibatkan bidang tujuhan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan sejumlah 17 PI pada tahun 2020 berbanding 13 PI pada tahun 2019, UiTMCNS telah mengambil pendekatan bersistematik dengan mengagihkan petunjuk prestasi mengikut PTJ melalui Bengkel Perancangan Taktikal dan Operasi Pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) Tahun 2019 dan Bengkel Perancangan Strategik Petunjuk Prestasi (PI) Tahun 2020. Sebanyak empat PTJ yang terlibat dalam merangka inisiatif strategik berdasarkan kepada bidang tujuhan ini merangkumi Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A) dan Bahagian Pentadbiran.

Di peringkat PTJ, khususnya di bahagian PJIM&A, pendekatan proaktif turut diambil dengan mengadakan bengkel perancangan strategik PJIM&A bagi memastikan setiap unit di bawahnya dapat merancang strategi secara berfokus. Melalui bengkel ini, Koordinator ICAN telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai gerak kerja dalam memastikan setiap aktiviti yang dipetakan kepada PI melibatkan alumni, komuniti dan aktiviti kesukarelawanan dapat dirangka dan dilaksanakan sebaiknya. Koordinator ICAN akan menganalisa setiap PI yang diterima, dan mengadakan mesyuarat bersama dengan penyelar ICAN yang berada di kampus Kuala Pilah dan Rembau untuk memperincikan inisiatif projek yang diperlukan bagi mencapai PI yang terlibat, seterusnya membentangkannya di dalam bengkel perancangan strategik peringkat UiTMCNS. Di samping itu, satu sesi jerayawara melibatkan kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau turut diadakan bagi memastikan setiap sasaran PI di bawah PJIM&A dapat disebar luas kepada seluruh warga UiTMCNS. Untuk tujuan pemantauan di peringkat PTJ, Koordinator ICAN akan melaporkan pencapaian setiap PI sewaktu sesi mesyuarat bersama dengan Timbalan Rektor PJIM&A, yang diadakan sekali pada setiap tahun. Malah, pelaporan secara berkala juga turut dihantar kepada Unit STU UiTMCNS untuk dilaporkan kepada BTU.

Pendekatan yang sama turut dipraktikkan oleh BHEP, di mana Timbalan Rektor HEP akan mengadakan mesyuarat bersama dengan barisan Ketua Unit di BHEP pada awal tahun untuk menetapkan nama pegawai yang bertanggungjawab (PIC) bagi setiap PI yang dipetakan. Pelaksanaan program yang telah dirangka akan dikenalpasti oleh PIC sama ada ia akan dilaksanakan sepenuhnya oleh unit itu sendiri atau perlu berkolaborasi bersama dengan persatuan pelajar, jabatan serta agensi luar.

SENARAI BUKTI:

1. [2.2.1 - Sample PTJ Strategic Action Plan 2020.pdf](#)
2. [2.2.2 - Jemputan Mesyuarat Perancangan Strategik PJIM_A.pdf](#)
3. [2.2.3 - Pendekatan hebahan kepada warga UiTMCNS.pdf](#)
4. [2.2.4 - Minit Mesyuarat PJIM_A.pdf](#)
5. [2.2.5 - Jemputan Sesi Perbincangan Strategi Data PI UiTMCNS kepada Pasukan Projek.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Sokongan dan penglibatan semua PTJ dalam penambahbaikan perancangan strategik adalah amat penting untuk mencapai kejayaan sesebuah organisasi. Melalui bahagian PJIM&A, unit ICAN telah merangka beberapa projek inisiatif utama dengan memberi tumpuan terhadap pengurusan dan penganjuran aktiviti pelajar melibatkan alumni dan komuniti setempat, sejajar dengan Kerangka RMK-11 2016 - 2020 Universiti Teknologi MARA yang menekankan sinergi di antara akademik, industri dan masyarakat. Melalui bengkel perancangan strategik di peringkat UiTMCNS, serta program jerayawara bahagian PJIM&A, penyaluran informasi kepada setiap ketua PTJ dan warga UiTMCNS dapat dibuat dengan menggalakkan setiap PTJ untuk menjalankan program berimpak tinggi sama ada melalui kolaborasi fakulti dan kampus, mahupun yang dijalankan sendiri oleh ICAN.

Sebagai contoh pada tahun 2019, unit ICAN telah mengadakan sesi perkongsian berkenaan Yayasan Khind Starfish yang menawarkan geran sehingga RM 10,000 kepada pelajar pusat pengajian tinggi (IPT) di negara ini untuk melaksanakan projek komuniti di bawah Projects for Happiness. Sesi taklimat ini telah pun diberikan kepada staf akademik yang juga merupakan penasihat persatuan pelajar, agar dapat menggalakkan persatuan pelajar memohon geran tersebut dengan menyediakan kertas kerja projek komuniti yang berimpak tinggi. Maklumat berkenaan tawaran geran ini turut disampaikan kepada Majlis Tertinggi (MT) persatuan pelajar melalui penasihat persatuan yang proaktif. Perbincangan di antara penasihat bersama MT turut diadakan bagi menentukan projek komuniti yang berpotensi untuk dilaksanakan, di samping membantu mereka dalam penghasilan kertas kerja untuk dimajukan kepada pihak Khind untuk saringan awal. Semakan pada kertas kerja tersebut turut dilakukan dengan teliti oleh penasihat bagi memastikan ianya adalah berkualiti dan mantap.

Kertas kerja yang telah terpilih pada proses saringan awal ini akan melalui proses penjurian seterusnya bersama dengan pihak Khind. Di sinilah, penasihat persatuan memainkan peranan penting dalam membantu para pelajar untuk membuat pembentangan yang berkesan. Beberapa sesi latihan simulasi telah diadakan bagi meningkatkan keyakinan pelajar dalam mempersembahkan projek komuniti mereka di hadapan panel juri yang terlibat. Melalui inisiatif ini, UiTMCNS telah berjaya memperoleh geran bagi membiayai 4 projek komuniti yang memfokuskan kepada pelajar-pelajar sekolah di luar bandar sekitar Negeri Sembilan dan pesakit-pesakit di wad kanak-kanak di Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN), Negeri Sembilan. Ini menunjukkan UiTMCNS sentiasa proaktif dalam membudayakan 17 nilai teras Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), seiring dengan hasrat negara untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan mampan, menjelang tahun 2030.

Di samping itu, unit ICAN juga turut memberi galakan kepada setiap warga UiTMCNS untuk sentiasa melibatkan diri dalam program kesukarelawanan. Pada setiap tahun, PJIM&A mengadakan Jerayawara di ketiga-tiga kampus UiTMCNS bagi menyampaikan maklumat serta menggalakkan mana-mana jabatan untuk bekerjasama dengan ICAN dalam menganjurkan program alumni bersama pelajar. Sebagai contoh pada tahun 2020, unit ICAN telah menganjurkan program Webinar Kemanusiaan : Power of Volunteerism bagi memperkenalkan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa iaitu Islamic Relief Malaysia kepada semua warga UiTMCNS. Melalui inisiatif ini, ia dapat memberi kesedaran mengenai isu-isu kemanusiaan yang berlaku di dalam dan luar negara, di samping meningkatkan bilangan sukarelawan di kalangan staf UiTMCNS.

Dalam memperkasakan peranan alumni, unit ICAN turut berkolaborasi dengan pusat pengajian bagi mempertingkatkan jaringan dan hubungan kerjasama bersama industri. Beberapa aktiviti perkongsian secara bersemuka mahupun atas talian telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dan 2020, melibatkan alumni UiTM dan wakil pihak industri kepada para pelajar tahun akhir, sebagai persediaan untuk mereka melangkah ke dunia pekerjaan. Sebagai inisiatif untuk menggalakkan penglibatan setiap PTJ/Bahagian untuk bersama-sama dalam aktiviti yang

dianjurkan oleh ICAN, PJIM&A akan memberikan penghargaan kepada penasihat program dalam majlis Anugerah Apresiasi Rektor. Tambahan itu, maklumbalas dari alumni dan industri yang diceburi mereka membantu dalam membuat analisis kemenjadian graduan selepas 5 tahun berada di industri (PEO Analysis) untuk mempertingkatkan mutu kurikulum program.

SENARAI BUKTI :

1. [2.3.1 - Senarai Penerima Geran Project Khind Starfish Foundation 2019.pdf](#)
2. [2.3.2 - Poster Webinar Kemanusiaan.pdf](#)
3. [2.3.3 - Senarai program alumni 2019 dan 2020.pdf](#)
4. [2.3.4 GAMBAR SEKITAR PEMBENTANGAN AKHIR PROJECT FOR HAPPINESS 2019.pdf](#)
5. [2.3.5 Senarai Penerima Anugerah Apresiasi Rektor 2020.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCNS sentiasa komited dalam melaksanakan aktiviti pemantauan secara berkala ke atas semua PI yang ditetapkan oleh BTU bagi melihat pencapaian keseluruhan kampus sepanjang tahun 2019 dan 2020. Proses pemantauan ini dilakukan secara agresif meliputi pelbagai peringkat bermula dengan peringkat dalaman, PTJ, pengurusan tertinggi UiTMCNS dan seterusnya oleh BTU. Di peringkat dalaman, ia melibatkan peranan pengarah projek dan pasukan projek, di mana setiap aktiviti yang telah dirancang perlu dilaksanakan mengikut garis masa yang telah ditetapkan. Seterusnya, pencapaian PI ini akan dilaporkan secara berkala oleh pasukan projek melalui mesyuarat bersama ketua PTJ atau Timbalan Rektor, sebelum ianya dibawa oleh ketua PTJ untuk dibentangkan di dalam mesyuarat bersama pengurusan tertinggi UiTMCNS seperti Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Pengurusan Akademik (MPA). Di samping itu, penghantaran pelaporan pencapaian PI secara berkala setiap 3 bulan oleh ketua PTJ kepada Penyelaras Unit STU UiTMCNS juga turut dibuat melalui emel, dan dibentangkan pada sesi perbincangan data petunjuk prestasi dengan bahagian bersama dengan pengurusan tertinggi kampus. Pelaporan yang telah dibentangkan dan disahkan dalam sesi tersebut akan dimajukan oleh Unit STU UiTMCNS kepada BTU untuk proses pengemaskinian maklumat di dalam sistem UePMO.

Pada tahun 2020, UiTMCNS telah mengambil pendekatan sedikit berbeza berbanding tahun 2019, melibatkan aktiviti pelaporan pencapaian PI secara agresif mengikut fasa, di mana ia perlu dilaporkan setiap 3 bulan kepada Rektor yang memantau secara terus pencapaian semua PI tersebut. Di samping itu, pemakluman pencapaian PI kepada warga UiTMCNS turut dibuat melalui sesi perjumpaan Rektor bersama staf yang diadakan pada setiap tahun. Melalui pendekatan ini, kepimpinan kanan dapat menyampaikan maklumat dengan lebih tepat, jelas dan informatif seterusnya mewujudkan komunikasi berkesan antara kedua-dua belah pihak.

Di bahagian PJIM&A, unit ICAN telah menggunakan 3 mekanisme dalam memantau setiap PI yang berkaitan secara sistematik.

- i. Pelaporan ke dalam Sistem Maklumat Analisa & Repositori (SMART) yang dipantau secara langsung oleh pihak BTU UiTM Shah Alam.
- ii. Pengemaskinian maklumat penganjuran program berbentuk jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan melalui Ketua Pusat Pengajian/Koordinator sekiranya program tersebut dianjurkan di peringkat fakulti, pusat pengajian atau jabatan. Melalui mekanisme ini, unit ICAN mengambil inisiatif dengan menghantar emel secara berkala kepada seluruh warga UiTMCNS, bagi memastikan pelaporan penganjuran aktiviti dapat dibuat sepanjang tahun.
- iii. Pengemaskinian program dalam takwim tahunan Unit ICAN.

SENARAI BUKTI:

1. [2.4.1.1 - Contoh templat pelaporan data PI unit ICAN \(Komuniti\).pdf](#)
2. [2.4.1.2 - Paparan sistem SMART.pdf](#)
3. [2.4.1.3 - Contoh emel pelaporan penganjuran aktiviti oleh Unit ICAN.pdf](#)
4. [2.4.1.4 - Contoh laporan UePMO.pdf](#)
5. [2.4.1.5 - Slide rumusan pencapaian oleh Rektor.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCNS telah mengenal pasti beberapa halangan atau risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik yang melibatkan bidang tujahan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Antaranya adalah sumber kewangan yang terhad dalam menjalankan aktiviti bersama komuniti setempat, mahupun program kemasyarakatan di luar negara. Ini adalah susulan daripada dasar penjimatan UiTM secara keseluruhan yang boleh menyebabkan beberapa program terpaksa ditunda atau dibatalkan. Selain daripada itu, pandemik Covid-19 yang melanda negara bermula Mac 2020 turut memberikan impak kepada keseluruhan aktiviti kampus, di mana banyak aktiviti bersama alumni dan komuniti yang dirancang secara bersemuka tidak dapat dijalankan dan perlu ditangguhkan. Di samping itu, faktor sumber kewangan yang terhad dan penutupan sementara pengoperasian kampus juga dilihat sebagai kekangan yang menyumbang kepada perkara ini.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada penilaian risiko tersebut, unit ICAN telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam mengatasi halangan-halangan tersebut. Antaranya adalah dengan mengadakan program secara atas talian menggunakan platform Cisco Webex, Google Meet dan Microsoft Team. Di samping itu, unit ICAN turut memberi khidmat nasihat berkaitan prosedur dan tatacara penganjuran program, selain memberi galakan kepada setiap pusat pengajian atau PTJ untuk melaksanakan program yang telah diagihkan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Malah, pusat pengajian dan PTJ turut digalakkan untuk mencari inisiatif dana daripada pihak luar untuk menampung kos perbelanjaan penganjuran program alumni, komuniti dan kesukarelawanan yang ingin dianjurkan. Sebagai contoh, bengkel pembuatan roti anjuran Pusat Pengajian Teknologi Industri yang telah menggunakan peruntukan dana daripada Menteri Besar Negeri Sembilan.

SENARAI BUKTI :

1. [2.4.2.1 - Contoh surat mohon tajaan luar UiTM - Bengkel Pembuatan Roti.pdf](#)
2. [2.4.2.2 - Emel jemputan program secara atas talian anjuran ICAN.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Perancangan dalam mengatasi risiko adalah sangat penting bagi memastikan setiap pelan tindakan yang dirangka dapat direalisasikan sepenuhnya sekaligus memberi impak kepada pencapaian keseluruhan UiTMCNS. Berdasarkan kepada pencapaian tahun 2018, UiTMCNS sentiasa menambah baik proses kerja untuk tahun 2019 dan 2020. Faktor manusia (human factor) telah dikenalpasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada pencapaian keseluruhan PI yang telah ditetapkan kepada setiap PTJ dan bahagian. Oleh itu, penambahbaikan proses kerja telah dirangka dengan memberi tumpuan terhadap faktor utama tersebut.

Sebagai contoh, UiTMCNS telah mengambil pendekatan dengan melantik seorang pengarah projek, pengurus projek serta ahli projek yang akan menggalas tanggungjawab dalam menggerakkan segala aktiviti di peringkat PTJ, melalui pemberian surat lantikan. Surat lantikan tersebut kemudiannya boleh digunakan oleh staf bagi permohonan kenaikan pangkat, serta melengkapkan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT). Di samping itu, pemantauan bulanan yang dibuat sebulan sekali bersama ketua PTJ serta 3 bulan sekali bersama Rektor adalah platform kritikal yang membantu pengarah projek untuk mengenalpasti kekurangan pada aktiviti pelaksanaan yang dihadapi di setiap fas, seterusnya membolehkan tindakan penambahbaikan diambil dengan kadar segera. Langkah proaktif dan agresif ini membantu dalam menggerakkan inisiatif strategik bagi mencapai objektif dalam masa yang ditetapkan.

Selain daripada itu, UiTMCNS turut memberikan sijil penghargaan kepada para pelajar yang terlibat dalam menjayakan setiap aktiviti yang berkaitan dengan bidang tujahan alumni, komuniti dan kesukarelawanan sepanjang tahun 2019 dan 2020. Melalui pemberian sijil ini, ia secara tidak langsung dapat menarik minat pelajar untuk melibatkan diri dalam projek komuniti dan kesukarelawanan, selain menjadi nilai tambah kepada pelajar untuk menghadapi temuduga bagi mendapatkan pekerjaan selepas mereka bergraduasi nanti.

Sementara itu, bagi ICAN, faktor masa dan kewangan dilihat menyumbang kepada pencapaian keseluruhan PI di bawah unit ini. Faktor masa ini bergantung kepada setiap proses yang perlu dilalui oleh penganjur untuk mendapatkan sesuatu kelulusan bagi program. Justeru, unit ICAN mengambil inisiatif dengan membekalkan maklumat berkenaan dengan prosedur menjalankan program yang lengkap kepada fakulti, pusat pengajian dan jabatan sekiranya mereka berhasrat untuk melaksanakan aktiviti, di samping menggalakkan PTJ untuk mengadakan projek bersama organisasi sedia ada yang telah menandatangani MoU atau MoA dengan UiTMCNS. Prosedur ini melibatkan carta alir pelaksanaan program, carta perbatuan, serta dokumen yang berkaitan agar pusat pengajian sentiasa berada dalam landasan dan garis masa yang betul, bagi memastikan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

SENARAI BUKTI :

1. [2.4.3.1 - Contoh surat lantikan pasukan projek.pdf](#)
2. [2.4.3.2 - Contoh sijil penghargaan peserta program alumni.pdf](#)
3. [2.4.3.3 - Carta alir berkaitan MoU.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Sebagai langkah pemeraksanaan dalam menggerakkan jabatan untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang, UiTMCNS telah mengambil pendekatan proaktif dengan mengenal pasti bahagian atau PTJ yang terlibat dalam memenuhi setiap PI yang telah diberikan kepada pihak kampus. Setiap program atau aktiviti yang telah dirangka akan diketuai oleh seorang pengarah projek, dengan dibantu oleh pengurus projek dan beberapa orang ahli projek yang telah dilantik. Kesemua pasukan projek ini bertanggungjawab sepenuhnya dalam menjalankan setiap program atau aktiviti di peringkat kampus, bagi mencapai setiap sasaran PI yang telah ditetapkan sepanjang tahun 2019 dan 2020.

Di bahagian PJIM&A, setiap aktiviti yang dirancang telah dibahagikan mengikut skop tugas selari dengan bidang tujuhan alumni, komuniti dan sukarelawan. Unit ICAN yang diketuai oleh Koordinator ICAN bertanggungjawab dalam mengkoordinasi setiap aktiviti dengan dibantu oleh penyelar ICAN yang telah dilantik bagi kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau.

Malah, inisiatif strategik yang digerakkan oleh PTJ yang lain turut memberi sumbangan yang besar dalam memastikan UiTMCNS mampu mencapai objektif strategik bagi semua PI yang melibatkan bidang tujuhan ini. Sebagai contoh di BHEA, fokus utama yang dititikberatkan adalah dalam meningkatkan bilangan siswazah yang bergraduasi dalam masa yang ditetapkan atau Graduate On Time (GOT), melakukan penambahbaikan terhadap kurikulum terkini agar ia dapat menghasilkan graduan yang holistik dan berdaya saing, memeterai MoU atau MoA bersama dengan universiti luar dan industri, serta melaksanakan pelbagai aktiviti mobiliti pelajar sama ada secara inbound mahupun outbound.

Melalui inisiatif yang diambil oleh BHEA ini, peranan alumni dilihat penting di mana maklumbalas daripada mereka akan digunakan oleh pusat pengajian dalam merangka kurikulum yang lebih fleksibel dan mengikut keperluan industri, selain mendekati para pelajar bersama dengan pihak industri melalui penganjuran program bersama alumni, sekaligus menyumbang kepada peningkatan bilangan GOT UiTMCNS untuk tahun 2019 dan 2020. Di samping itu, pelajar UiTMCNS yang terlibat di dalam aktiviti mobiliti inbound dan outbound juga secara tidak langsung akan terlibat dengan projek komuniti sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa sebagai sukarelawan, di mana projek-projek ini adalah hasil daripada kolaborasi dengan universiti luar yang telah mempunyai MoU atau MoA bersama UiTMCNS.

SENARAI BUKTI :

1. [2.5.1 - Contoh senarai nama pasukan projek.pdf](#)
2. [2.5.2 - Carta Fungsi UiTMCNS.pdf](#)
3. [2.5.3 - Contoh projek inbound_outbound atas talian.pdf](#)
4. [2.5.4 - MoU UiTM-Universitas Andalas.pdf](#)
5. [2.5.5 - Carta Organisasi PJIM_A.pdf](#)
6. [4.4.3.1 Bukti menunjukkan hasil pengumpulan data di UiTMCNS.pdf](#)
7. [4.4.3.2 Contoh bukti petunjuk prestasi dan tindakan penambahbaikan.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memastikan bidang tumpuan dapat dilaksanakan dengan jayanya, UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) telah meletakkan pelanggan sebagai fokus utama dalam setiap perancangan dan pelaksanaan aktiviti sama ada di luar atau di dalam UiTM. Tumpuan kepada pelanggan dimanifestasikan melalui kewujudan pelbagai dokumen di peringkat UiTMCNS. Antaranya ialah Kerangka RMK-11 2016 - 2020 Universiti Teknologi MARA, Pelan Strategik UiTM 2025, Manual Kualiti dan Prosedur Kualiti. Kewujudan dokumen-dokumen ini secara langsung dapat menjadi petunjuk prestasi utama UiTMCNS dan juga memastikan bidang tumpuan dapat dijayakan.

Ada tiga kategori pelanggan iaitu pelanggan dalaman, pelanggan luaran dan pelanggan misi dan proses. Pelanggan dalaman (warga akademik, pentadbiran dan pelajar) ditunjukkan dengan kehadiran alumni untuk pulang berbakti dengan berkongsi pengalaman kerja dan pelajar juga memberi khidmat sukarela kepada masyarakat. Pelajar dan staf akan bergabung menjayakan program dan semasa proses pelaksanaan kurikulum, wujud kerjasama dengan pihak industri dan universiti luar. Pelanggan luaran (ibu bapa, badan profesional, industri dan komuniti) dijalinan melalui penyediaan tempat latihan industri, penyelidikan dan pembangunan usahawan untuk pensyarah dan pelajar. Seiring dengan Pekeliling Akademik Bilangan 8 tahun 2017, wujud kerjasama antara UiTMCNS dan Organisasi Luar melalui MoU/MoA dan penerimaan geran Yayasan Khind Starfish. Pelanggan misi dan pelanggan proses akan memastikan semua yang terlibat dalam merealisasikan misi serta objektif pengurusan.

Selari dengan bidang tujuhan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, terdapat 11 petunjuk prestasi telah dikenal pasti. Untuk mencapai Petunjuk Prestasi itu, pihak UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah membuat beberapa perancangan di bawah unit ICAN, BHEP, DIA, ILD dan MASMED. ICAN akan menghubungkan UiTM dengan pihak berkepentingan luar iaitu industri, komuniti dan alumni. Segala pelaporan aktiviti dan pemantauan adalah menggunakan sistem maklumat analisa & repositori (SMART). Unit-unit ICAN, BHEP, DIA, ILD dan MASMED akan mengemaskini kepada warga UiTMCNS untuk mengemaskini laporan program yang dianjurkan bagi setiap bulan. Antara langkah penambahbaikan yang dilakukan ialah kaedah pendekatan yang dilakukan oleh rektor UiTMCNS, Prof. Dr. Yamin Yassin iaitu sentiasa mengadakan bengkel mengemaskini prestasi KPI yang secara tidak langsung melibatkan bidang tujuhan yang dipilih. Selain itu, pemilihan Dr. Siti Nor Atika Baharin sebagai penyelar Department of International Affairs (DIA) adalah pilihan yang terbaik kerana beliau antara pensyarah yang aktif mewujudkan kolaborasi peringkat antarabangsa. Unit Pengurusan Kualiti telah mencadangkan agar proses baharu yang diamalkan oleh beliau dapat dibawa ke Pertandingan Kecemerlangan Operasi bagi tahun 2021. Ini merupakan juga momentum kepada pihak DIA untuk menambahbaikan proses yang sedia ada. Staf akademik yang terlibat dengan industri tempatan, akan diuruskan oleh Institute of Leadership & Development (ILD).

BHEP sentiasa menyokong pelajar sebagai ahli kesukarelawan dan berkolaborasi dengan pihak industri dan masyarakat. Ini bagi mencapai kebolehpasaran graduan bumiputera, jaringan alumni dan meningkatkan imej dan reputasi universiti.

Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED) berfungsi untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan UiTM dan pembudayaan keusahawanan melalui pelbagai latihan dan aktiviti keusahawanan pelajar, pensyarah dan juga komuniti setempat.

Koordinator ICAN akan memilih ketua projek bagi program yang akan diadakan seiring dengan KPI yang ditetapkan dalam Bengkel perancangan strategik. Pemantauan terus akan dilakukan melalui ketua projek bagi mengemaskini perjalanan program yang sedang dilakukan. Sijil penghargaan dan surat lantikan adalah insentif yang diberikan kepada warga UiTMCNS yang

tersebut. Mulai tahun 2020, Program Berdayawara telah diadakan untuk menyampaikan informasi terkini dan beberapa inisiatif PJIM&A dalam merangka Pelan Strategik Universiti.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kaedah atau pendekatan yang berkesan merupakan elemen yang penting bagi memastikan setiap objektif dapat dicapai dengan jayanya. Oleh itu, kepimpinan kanan di jabatan Unit Industri, Komuniti dan Jaringan Alumni (ICAN) dan MASMED telah melaksanakan beberapa pendekatan bagi memastikan setiap maklumat yang diperolehi dapat disampaikan kepada kumpulan sasaran dan juga segala program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kumpulan sasar yang dimaksudkan adalah mengikut kepada kategori iaitu alumni yang melibatkan alumni program UiTMCNS, komuniti terdiri daripada komuniti setempat, antarabangsa serta industri dan sukarelawan yang terdiri dari pelajar-pelajar UiTMCNS. Jadual 3.2.1 beberapa kaedah atau pendekatan yang dilaksanakan.

Kaedah sistem SMART yang dijalankan adalah berdasarkan sistem SMART induk Unit ICAN Shah Alam sejak 2019 dan di peringkat cawangan hanya akan berhubung melalui link sistem SMART tersebut. Di peringkat UiTMCNS hanya admin iaitu Koordinator ICAN UiTMCNS sahaja yang boleh mengakses sistem tersebut. Sebarang maklumat aktiviti dan pelaporan oleh 5 penyelaras di bawah ICAN, pensyarah, ketua pusat pengajian atau koordinator atau sesiapa sahaja yang berkaitan akan merujuk dan berkongsi kepada admin bagi menyalurkan pelaporan aktiviti jabatan dan fakulti terutamanya yang berkaitan alumni, komuniti dan industri.

Unit ICAN juga menggunakan platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan Youtube bagi tujuan hebahan dan menyalurkan sebarang aktiviti program yang dijalankan atau akan dilaksanakan. Kebiasaannya setiap tahun Unit ICAN akan mengadakan mesyuarat selepas selesai mesyuarat kepimpinan tertinggi TREK PJIM&A bagi membincangkan kerangka program dan aktiviti yang akan dilaksanakan. Dalam peringkat kepimpinan tertinggi dan pengurusan, unit Bahagian Bengkel Perancangan Strategik dalam membincangkan Transformasi Universiti (BTU) yang akan mengorganisasikan perancangan aktiviti dan program, belanjawan dan sebagainya akan di laksanakan yang dihadiri oleh barisan kepimpinan kanan dan pengurusan seperti Rektor, Timbalan Rektor, KPP, Koordinator dan yang berkaitan sahaja.

MASMED UiTMCNS yang mengguna pakai platform Google Drive bagi tujuan mengumpul segala laporan, kertas kerja, borang-borang, templat dan segala dokumen penting yang berkaitan aktiviti program yang telah atau akan dijalankan. Link rangkaian ini yang dikendalikan sendiri oleh Koordinator MASMED UiTMCNS iaitu Cik Aishah Nadirah Mohamed Alauddin akan memastikan segala info dan laporan penting dapat didokumentasikan dan disalurkan kepada 3 penyelaras utama (Latihan Keusahawanan Siswa, Myagrosis dan Keusahawanan Sosial) secara telus dan berkesan.

Platform media sosial seperti Facebook dan Instagram yang menjadi platform utama proses hebahan dan saluran informasi dapat disampaikan kepada warga kampus termasuk pelajar, staf akademik dan staf pentadbiran. Bagi warga komuniti setempat dan luar juga dapat mengikuti sebarang makluman dan menyertai sebarang aktiviti yang dianjurkan. Koleksi gambar, ringkasan maklumat dan pelaksanaan setiap program dipaparkan dalam saluran media sosial ini bagi rujukan dan makluman warga kampus dan komuniti umum.

SENARAI BUKTI:

1. [3.2.1 Pendekatan dan tujuan ICAN dan MASMED.pdf](#)
2. [3.2.2 Facebook MASMED.pdf](#)
3. [3.2.3 Instagram MASMED.pdf](#)
4. [3.2.4 Facebook PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan.pdf](#)
5. [3.2.5 Instagram PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Berdasarkan bidang tujuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, ICAN dan MASMED memastikan tiga aspek utama iaitu objektif, pelaksanaan program dan capaian KPI dapat dilaksanakan selari dengan pemilihan pelanggan. Untuk mencapai Petunjuk Prestasi itu, Unit ICAN UiTMCNS telah menitikberatkan kriteria-kriteria pelanggan agar bersesuaian dengan program yang dilaksanakan dengan jayanya.

Koordinator dan penyelar ICAN Kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau akan mengumpul data program yang melibatkan para pelajar dan komuniti. Templat berkaitan informasi program akan diberikan kepada penganjur, dan seterusnya akan dimuat naik oleh pihak ICAN UiTMCNS ke dalam sistem SMART untuk diproses. ICAN juga komited dalam menginterpretasikan dua objektif lain iaitu pemindahan ilmu dan pemindahan teknologi dapat dijadikan sebagai teras dalam pelaksanaan program-program yang dianjurkan terutamanya melibatkan aspek tujuan Jaringan ALUMNI dan Komuniti. Dalam memastikan warga kampus cakna terhadap peranan dan tanggungjawab terhadap pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah Bahagian PJIM&A, UiTMCNS satu program yang dinamakan Program "Jerayawara" diadakan di ketiga-tiga kampus iaitu (Kuala Pilah, Seremban dan Rembau) bagi membuat hebahan secara holistik kepada seluruh warga kampus.

Bagi memastikan aspirasi UiTM dicapai dalam membina dan mengekalkan jalinan berterusan di antara UiTM dan industri serta kecemerlangan mahasiswa, program yang bercirikan penglibatan alumni menjadi salah satu fokus utama. Aktiviti yang didaftarkan di bawah unit ICAN bukan sahaja melibatkan mahasiswa malah warga UiTMCNS juga turut diberikan perhatian. Bahagian PJIM&A mendokong penuh Program Sayang Disayang yang merupakan program berterusan Untuk memupuk nilai-nilai murni dalam diri warga UiTM (sukarelawan) seperti hormat-menghormati, berkasih-sayang, kejujuran, kesederhanaan, kesyukuran serta semangat kemasyarakatan. Pandemik COVID19 yang melanda globalisasi tidak mematahkan semangat warga UiTM untuk menyalurkan makanan kepada barisan hadapan sebagai satu apresiasi kepada barisan hadapan yang menaburkan khidmat dan jasa kepada rakyat. Program kesukarelawan seumpama ini di dokong penuh oleh Bahagian PJIM&A. Selain itu, program seperti Sesi Bersama Kakitangan dari Universiti Essex, Road To Success Siri 3: Forum With Alumni "Big Journey Begins From Textile" yang telah dianjurkan memberi pendedahan kepada mahasiswa peluang kerjaya yang berkaitan serta menyediakan satu platform yang berkesan kepada persediaan mahasiswa untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Menyentuh kepada aspek komuniti pula, kriteria-kriteria penting yang disarankan oleh ICAN adalah kesukarelawan, pemindahan ilmu dan program berbentuk perindustrian. Bagi pelaksanaan program yang menyasarkan komuniti ianya perlu diperhalusi sasaran program tersebut yang hanya memerlukan dan serba kekurangan sama ada program berbentuk bengkel, ceramah dan sebagainya. Program yang boleh diketengahkan adalah Program Kesukarelawan Warga UiTMCNS bersama Persatuan Alumni UiTMCNS: Alumni Covid-19 Kit UiTM N9 2020 bagi tujuan mendekati alumni dengan masyarakat dan warga kampus pengajian melalui aktiviti pengagihan kit kepada masyarakat. Program komuniti seperti "Happy Kids, Happy World" di Wad Mawar Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah adalah aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawan yang memberikan manfaat kepada mahasiswa dan komuniti setempat. Program sebegini bukan sahaja dapat melahirkan mahasiswa yang cemerlang daripada segi akademik malah membantu dalam pembentukan kemahiran berkomunikasi dan sosial mahasiswa.

Pencapaian KPI 2019 dan 2020 di bawah Unit ICAN juga boleh dilihat melalui Laporan Pengemaskinian Data Prestasi Indikator (PI) adalah dengan peratusan pencapaian 90.9% bagi tahun 2019 dan 80.6% bagi tahun 2020 melibatkan Kampus Seremban, Kuala Pilah dan Rembau UiTM Cawangan Negeri Sembilan dengan majoritinya semua KPI adalah tercapai.

SENARAI BUKTI :

1. [3.3.1 Program Komuniti UiTMCNS tahun 2019.PDF](#)
2. [3.3.2 Program Komuniti UiTMCNS tahun 2020.PDF](#)
3. [3.3.3 Program alumni UiTMCNS tahun 2019.pdf](#)
4. [3.3.4 Program alumni UiTMCNS tahun 2020.pdf](#)
5. [3.3.5 Laporan Happy Kids Happy World..pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bahagian PJIM&A, UiTMCNS telah menyusun beberapa pelan pemantauan untuk memastikan sasaran petunjuk prestasi (PI) yang telah dipertanggungjawabkan bagi tahun 2020 dapat direalisasikan dengan jayanya. Untuk mencapai indikator prestasi (PI), Bahagian PJIM&A menjadualkan bengkel perancangan strategi yang diadakan secara rutin pada setiap awal tahun bagi merangka pelan strategi dengan rapi.

Komunikasi dua hala yang merujuk kepada diskusi di antara staf dan ketua jabatan diadakan secara berkala setiap bulan bagi menilai pencapaian semasa setiap unit di bawah Bahagian PJIM&A, UiTMCNS.

Pemantauan berkala (pelaporan kepada Unit Perancangan Strategik, UiTMCNS) dibuat dan diambil untuk setiap bulan bagi menilai pencapaian petunjuk prestasi (PI) bagi setiap Bahagian PJIM&A, UiTMCNS. Ia bertujuan untuk memastikan keberkesanan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dinilai melalui hasil maklumbalas yang diterima dari peserta dan seterusnya penambahbaikan dijalankan jika terdapat jurang yang wujud dalam setiap aktiviti tersebut. Penambahbaikan ini penting bagi memastikan aktiviti yang sama yang dirancang pada masa akan datang lebih memberi impak kepada peserta dan pihak penganjur.

Pemantauan dan pelaporan aktiviti-aktiviti di bawah Bahagian PJIM&A, UiTMCNS direkodkan melalui sistem IRES, ICONS, PRISMA dan SMART. Segala pelaporan aktiviti-aktiviti di bawah Bahagian PJIM&A, UiTMCNS dalam setiap mesyuarat JPN dan JJN kampus dapat didokumentasikan.

Tuntasnya, setiap program yang telah di rencana perlu melalui pasca program bagi tujuan proses penambahbaikan di masa akan datang dalam mencapai sasaran petunjuk prestasi (PI) serta objektif, misi dan visi organisasi.

SENARAI BUKTI:

1. [3.4.1.1 Laporan AKRAB Bahagian PJIMA tahun 2020.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko adalah konsep yang memperihalkan kebarangkalian berlakunya kemungkinan tertentu. Ianya adalah satu konsep yang diberi perhatian oleh Timbalan Rektor, PJIM&A bagi memastikan indikator prestasi (PI) yang diamanahkan kepada Bahagian PJIM&A, UiTMCNS oleh Bahagian Transformasi Unit (BTU) UiTM dapat direalisasikan dengan jayanya.

Justeru itu, Bahagian PJIM&A UiTMCNS di bawah enam unit yakni RMU, Penulisan dan Penerbitan (PRISMA), Inovasi dan Pengkomersilan, ICAN, MASMED dan Informasi telah mengambil tindakan yang efisien dalam kewujudan risiko bagi sesuatu aktiviti yang dijalankan. Bahagian PJIM&A berhadapan dengan beberapa risiko iaitu pertama, kekangan pengembelangan oleh warga kampus dalam aktiviti-aktiviti di luar kepentingan individu ataupun tugas hakiki yang dijalankan di bawah Bahagian PJIM&A, UiTMCNS seperti aktiviti kemasyarakatan dan alumni. Kedua, pembudayaan aktiviti-aktiviti seumpama keusahawanan, jaringan Industri, alumni dan kemasyarakatan adalah masih tipis di kalangan warga kampus. Ketiga, aktiviti yang dikategorikan sebagai kesukarelawan dan kemasyarakatan perlu diminimumkan rentetan daripada kekurangan peruntukkan dana bagi aktiviti tersebut dan keempat, situasi Pandemik COVID19 yang telah memberi implikasi kepada perancangan program yang telah senaraikan oleh Bahagian PJIM&A, UiTMCNS.

Justeru itu, Kepimpinan Kanan yakni Timbalan Rektor, PJIM&A telah memberikan keutamaan kepada aktiviti-aktiviti yang akan memberi impak kepada pencapaian PI ini. Dalam menghadapi situasi pandemik, pihak pengurusan mengurus risiko yang dinyatakan diatas dengan cara memilih projek yang memberi impak besar kepada pencapaian universiti dan menggabungkan program yang mempunyai objektif utama yang sama untuk meminimumkan kos dan tenaga kerja.

SENARAI BUKTI :

1. [3.4.2.1 Sistem Maklumat Analisa & Repositori 'SMART'.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bahagian PJIM&A komited dalam mencapai objektif organisasi dan indikator prestasi (PI) Universiti. Justeru itu, beberapa strategi telah dirancang bagi berhadapan risiko.

1. Beberapa inisiatif diletakkan sebagai panduan dalam merencanakan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan perundingan, penulisan dan penerbitan, inovasi dan pengkomersialan, keusahawanan, serta jaringan industri, alumni dan kemasyarakatan melalui persepakatan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA), Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Pentadbiran.

a. Bagi pensyarah yang memohon kenaikan pangkat dan lantikan tetap, para pensyarah diwajibkan menghasilkan penerbitan yang berdaftar dengan PRISMA.

b. Suntikan obligasi di kalangan pensyarah yang berupa pakej penajaan telah di peruntukkan kepada pensyarah yang membentangkan hasil penyelidikan di konferens yang berindeks selaras dengan aspirasi UiTM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan di masa hadapan.

c. Ransangan berterusan oleh pimpinan atasan kepada warga UiTM dalam memeriahkan pembudayaan aktiviti-aktiviti keusahawanan, jaringan industri, alumni dan masyarakat.

2. Program yang berimpak tinggi dan memerlukan bajet yang tinggi disasarkan untuk melaksanakan program secara bersama.

3. Jalanan kerjasama dan penajaan daripada pihak berkepentingan serta NGO juga digalakkan bagi menampung kos aktiviti-aktiviti bersifat keusahawanan, jaringan industri, alumni dan masyarakat.

Sehubungan itu, pelbagai geran penyelidikan ditawarkan oleh UiTM secara umumnya bagi mendokong aktiviti penyelidikan, penulisan dan penerbitan yang berimpak tinggi di kalangan mahasiswa dan pensyarah. Di samping itu, pelbagai platform latihan disediakan bagi memenangi geran penyelidikan. Di antara program yang berjaya memenangi geran penyelidikan Yayasan Khind Stafish 2019 ialah Program Happy Kids Happy World yang menggabungkan Kelab Sahabat, Persatuan Bahasa Arab, Kelab Teknologi Makanan dan Kelab Alchemist UiTM CNS (Kuala Pilah) dengan geran bernilai RM4505. Program ini juga merupakan model jalinan kerjasama yang dijalankan di antara bahagian. Jaringan bersama industri luar seperti Pusat Zakat Negeri Sembilan, Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan, Majlis Perbandaran Port Dickson, Sunway University SDN BHD dan Univesiti Andalas di Padang, Indonesia telah mewujudkan Momarandum Persefahaman yang menambahkan kemeriahan aktiviti-aktiviti keusahawanan, jaringan industri, alumni dan masyarakat. Sebagai contohnya, program yang dianjurkan oleh MASMED yakni MyKopie1 UiTM Kampus Seremban telah mendapat suntikan kewangan daripada FAMA Negeri Sembilan (RM5000). Program sebegini merupakan program jalinan kerjasama berbentuk penajaan.

SENARAI BUKTI :

1. [3.4.3.1 MoU UiTM dan Majlis Perbandaran Port Dickson 2018.pdf](#)
2. [3.4.3.2 MoU UiTM-UNAND tahun 2019.pdf](#)
3. [3.4.3.3 MoU UiTM dan Sunway University Sdn Bhd 2019.pdf](#)
4. [3.4.3.4 PROSES KERJA PERLAKSANAAN MOU-MOA.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berkat kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh warga kampus, UiTMCNS berjaya mencapai KPI yang ditetapkan. Pada tahun 2019, UiTMCNS berjaya mencapai sepenuhnya KPI yang ditetapkan iaitu sebanyak 11 projek di bawah tujuhan alumni, komuniti dan industri. Walaupun keadaan pandemik yang melanda negara pada tahun 2020, 11 projek berjaya direalisasikan pada tahun 2020 daripada sasaran awalnya adalah 14 projek.

Sistem Sistem Maklumat Analisa & Repositori (SMART) telah memudahkan proses kerja kerana sejak diperkenalkan pada 2019, ianya membantu ICAN dalam menyimpan rekod program serta membantu pengurusan tertinggi UiTM untuk dapatkan data program yang lalu. Sistem ini datang dengan templat yg khusus, memudahkan ICAN ican untuk mendapatkan maklumat program dari jabatan dengan menggunakan templat yg sama. BTU Shah Alam juga akan menyemak pencapaian KPI ICAN yang melibatkan alumni, industri dan komuniti dengan merujuk sistem SMART. Laporan yang telah dimuat naik ke SMART, boleh dimuat turun dengan mudah oleh koordinator ICAN dan dari masa ke masa, pemantauan perjalanan program akan dilakukan terhadap ketua projek bagi memastikan kelancaran program. Pada tahun 2020, ICAN UiTMCNS telah mula membuat jerayawara ke 3 kampus sebagai satu penambahbaikan penyaluran secara terus kepada jabatan berkenaan fokus program khususnya melibatkan alumni, industri dan komuniti bagi membantu UiTMCNS mencapai KPI yang ditetapkan.

Kepentingan mengisi maklumat dalam sistem e-alumni akan diwarwarkan kepada para pelajar yang telah tamat pelajar melalui medium muka buku Persatuan Alumni UiTMCNS dan semasa konvokesyen pelajar. Di laman sesawang alumni.uitm.edu.my, wujudnya sistem e-alumni yang dikoordinasikan oleh unit Alumni Network Centre (ANC) ICAN UiTM Shah Alam. Koordinator ICAN UiTMCNS akan mendaftarkan maklumat alumni dan menyemak jumlah alumni bagi setiap kampus melalui sistem ini.

Sistem SMART dan e-alumni telah membantu mempercepatkan pelaporan dan memudahkan pihak pengurusan tertinggi untuk mendapatkan maklumat. Ianya juga telah membantu ICAN dari segi ekstrak maklumat dan laporan program yang telah dilaksanakan pada tahun semasa dan tahun sebelumnya.

SENARAI BUKTI :

1. [3.5.1. Facebook Persatuan Alumni UiTM Negeri Sembilan.pdf](#)
2. [3.5.2 Hebahan e-alumni di facebook Persatuan Alumni UiTM Negeri Sembilan.pdf](#)
3. [3.5.3 Sistem Maklumat Analisa & Repositori 'SMART'.pdf](#)
4. [3.5.4 Laman sesawang alumni.uitm.edu.my.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam mengukur kecekapan dan keberkesanan sesuatu sistem pengurusan, elemen yang sangat penting adalah penghasilan data yang bertepatan dan betul. UiTMCNS mengukur pencapaian bagi setiap bahagian melalui sasaran pencapaian PI. Data dan maklumat yang diperolehi hasil dari program dan aktiviti yang dijalankan perlu diukur dan dianalisa secara berkesan oleh pihak ICAN. Bagi PTJ yang bertanggungjawab akan membuat mesyuarat berkala bersama pengarah projek untuk memastikan pencapaian aktiviti strategik mengikut fasa yang ditetapkan. Pencapaian aktiviti strategik juga dilaporkan kepada Rektor secara berkala iaitu setiap sebulan. Bagi memastikan keberkesanan sistem pengukuran pencapaian yang dilaksanakan, unit ICAN mengadakan mesyuarat setiap awal tahun bagi membincangkan berkenaan petunjuk prestasi utama. Selain itu, audit dalam juga dilakukan sekali setahun. Dalam menganalisa sasaran pencapaian BPSPPS, mekanisme analisa frekuensi dan deskriptif seperti perbandingan pencapaian bilangan program dan aktiviti bagi tahun semasa dengan tahun sebelumnya digunapakai. Bilangan program aktiviti bagi tahun 2020 adalah 4 program industri, 6 program alumni, 9 program masyarakat & kesukarelawan dan 2 program masyarakat & kesukarelawan antarabangsa. Selain itu, terdapat 5 kerjasama MoA/MoU yang telah termeterai di UiTMCNS dan berstatus aktif. Antara contoh penambahbaikan yang telah dilakukan sekiranya sasaran tidak dicapai adalah mempergiatkan penganjuran program secara berterusan dengan memperluaskan skop UCE melibatkan penglibatan bersama masyarakat sekitar dan sekolah. Selain itu, keberkesanan program akan disemak oleh Koordinator ICAN bagi mengenal pasti kelemahan supaya pelaksanaan program di masa akan datang lebih sistematik, berkesan dan memberi impak yang positif kepada komuniti dan alumni.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCNS mengukur pencapaian untuk setiap pencapaian bidang tumpuan pilihan dengan mengukur dan menganalisa data hasil daripada program yang telah dijalankan. Pengukuran dan analisa ini adalah penting agar mencapai objektif pelan perancangan strategik. Setelah dianalisa, penambahbaikan yang berterusan perlu dilaksanakan bagi mengatasi kelemahan yang sedia ada. Oleh yang demikian, UiTMCNS sentiasa mengambil tindakan proaktif bagi memastikan pelan perancangan strategik yang ditetapkan tercapai. Rajah 4.1 menunjukkan pengukuran dan gerak kerja dalam menjayakan bidang tumpuan yang telah ditetapkan pada 6 petunjuk prestasi perancangan strategik. Tiga daripadanya adalah khusus kepada alumni, komuniti dan kesukarelawan iaitu memastikan sekurang-kurangnya 2 program khidmat pakar alumni UiTM dilaksanakan, memastikan sekurang-kurangnya 11 program “University Social Responsibility (USR)” dilaksanakan dan menentukan jumlah komuniti yang menerima dan memanfaatkan dari projek “Knowledge/Technology diffusion” adalah sebanyak 3 kelompok komuniti. Selain itu terdapat tiga lagi pengukuran yang dilaksanakan iaitu menentukan jumlah alumni UiTMCNS yang telah berjaya akan menjadi usahawan ialah seramai 27 orang, memastikan sekurang-kurangnya 5 program “Knowledge Transfer(KTP) dilaksanakan dan menentukan jumlah kakitangan UiTMCNS yang terlibat dalam program kesukarelawan adalah sebanyak 10 orang.

SENARAI BUKTI:

1. [4.2.1 Enam Petunjuk Prestasi Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [4.2.2 Mesyuarat dan Laporan secara berkala UiTMCNS.pdf](#)
3. [4.2.3 Jemputan dan pemakluman Bengkel Perancangan Strategik 2020.pdf](#)
4. [4.2.4 Makluman Bengkel Perancangan Strategik UiTM 2020.pdf](#)
5. [4.2.5 Minit Mesyuarat Penutup Audit Dalam.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Data yang diperolehi hasil dari program dan aktiviti yang dijalankan dikumpulkan dan dianalisa oleh unit ICAN. Kekekapan pengumpulan dan penganalisaan data adalah sepanjang tahun. Ini kerana laporan bagi setiap program dan aktiviti yang telah dijalankan perlu diserahkan kepada Koordinator ICAN selepas tamat program. Di samping itu, setiap bahagian PTJ yang bertanggungjawab utk PPU juga membuat mesyuarat berkala bersama pengarah projek untuk memastikan pencapaian aktiviti strategik mengikut fasa yang ditetapkan. Pencapaian aktiviti strategik juga dilaporkan kepada Rektor secara berkala (sebulan sekali).

Pelaporan aktiviti dan pemantauan program secara berkala mengguna pakai sistem maklumat analisa dan repositori (SMART). Data yang diterima dianalisis bagi tujuan pengukuran keberkesanan program dalam mengenalpasti kekuatan dan kelemahan tadbir urus kampus di samping memastikan objektif kualiti UiTMCNS dan petunjuk prestasi kampus tercapai.

Dalam menganalisa sasaran pencapaian BPSPPS, mekanisma analisa frekuensi dan deskriptif seperti perbandingan pencapaian bilangan program dan aktiviti bagi tahun semasa dengan tahun sebelumnya digunapakai (Rujuk Rajah 4.3 Bilangan Program Komuniti, Alumni, Masyarakat dan Kesukarelawan UiTMCNS bagi tahun 2018, 2019 dan 2020). Analisa pencapaian kerjasama MoU dan MoA dengan organisasi luar turut dilaksanakan untuk menilai daya saing UiTMCNS. Rajah 4.4 menunjukkan senarai kerjasama MoA/MoU yang telah termeterai di UiTMCNS bagi tahun 2013-2019.

Perkongsian amalan terbaik melalui penghasilan program-program yang mampan yang membawa kepada kerjasama MoA dan MoU bersama organisasi luar, penerimaan anugerah Jaringan Alumni dan pemilikan geran seperti Geran Yayasan Khind Starfish bagi tahun 2019.

Penglibatan pelajar dalam program-program yang dijalankan dianggap sangat berkesan untuk memupuk keseimbangan perkembangan mental dan perkembangan rohani, jasmani dan sosial pelajar di samping mencungkil kebolehan mengendalikan program yang berskala besar bersama industri dan organisasi luar UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [4.3.1 Gambarajah _ Anugerah Jaringan Alumni.pdf](#)
2. [4.3.2 Senarai Program ICAN_2019.pdf](#)
3. [4.3.3 Senarai Program ICAN_2020.pdf](#)
4. [4.3.4 SENARAI KERJASAMA \(MoA_MoU\) UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN ORGANISASI LUAR.pdf](#)
5. [4.3.5 Senarai Penerima Geran Project Khind Starfish Foundation 2019.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCNS amat menitikberatkan ciri-ciri data iaitu ketepatan masa dan kebolehpercayaan. UiTMCNS mengukur pencapaian bagi setiap bahagian melalui sasaran pencapaian PI. Maklumat dan data berkenaan sasaran pencapaian PI perlu dikemaskini oleh setiap unit di ICAN bagi memastikan data yang dikumpul dapat dianalisis dengan efisien. Untuk menjamin ketepatan masa dalam pengurusan data, pendekatan yang digunakan oleh UiTMCNS ialah memastikan setiap program yang dijalankan dibawah setiap unit di PJIM&A dilaporkan melalui template Sistem SMART ICAN seperti Rajah 4.6.

UiTMCNS menguruskan serta mengaplikasikan pencapaian maklumat kerana ia amatlah penting bagi memastikan aliran maklumat dicapai dan diterima secara keseluruhan. Hasil analisa data berkenaan petunjuk prestasi yang telah/belum dicapai dikongsi antara jabatan bagi menambah baik prestasi utama yang telah ditetapkan. Antara langkah proaktif yang telah dilaksanakan adalah memastikan setiap fakulti/unit/bahagian yang terlibat mengemaskini setiap program yang dijalankan kepada setiap Penyelaras ICAN mengikut masa yang telah ditetapkan iaitu pada setiap bulan.

Hasil maklumbalas dari mesyuarat berkala pencapaian program mengikut fasa dikongsi bersama antara unit ICAN/PJIM&A, BHEA dan BHEP agar tindakan penambahbaikan boleh diambil oleh PTJ berkenaan. Gabungan tindakan penambahbaikan tersebut membantu dalam mencapai objektif pelan perancangan strategik yang ditetapkan khusus untuk alumni, komuniti dan sukarelawan seperti Rajah 4.1. Ini penting bagi memastikan setiap unit dapat mencapai petunjuk prestasi utama yang telah ditetapkan. Mekanisme ini adalah penting bagi mengekalkan ketepatan dan integriti dalam memastikan program yang dijalankan memberi kesan dan impak secara keseluruhannya serta dapat disebar luas kepada seluruh warga UiTMCNS.

Proses penyebaran maklumat secara berperingkat dan berterusan bagi memastikan setiap maklumat disebarkan ke peringkat fakulti/unit/bahagian seterusnya kepada seluruh warga UiTMCNS melalui proses penyebaran maklumat seperti Rajah 4.7. Penyebaran maklumat kepada seluruh warga UiTMCNS merupakan salah satu pendekatan yang responsif dan memberangsangkan dalam kebolehcapaian data dan maklumat.

SENARAI BUKTI:

1. [4.4.1.1 Templat Sistem SMART ICAN.pdf](#)
2. [4.4.1.2 Proses Penyebaran Maklumat.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pencapaian UiTMCNS merupakan elemen pengukuran yang dititikberatkan oleh UiTMCNS. Dalam memastikan analisis pencapaian dan semakan yang berkesan serta berintegrasi, UiTMCNS menggunakan mekanisme perkongsian maklumat melalui aplikasi 'google drive' seperti Rajah 4.8. 'Google drive' diwujudkan bagi memastikan proses pengumpulan maklumat yang berkesan dapat dilaksanakan dengan cara mewujudkan template Sistem SMART ICAN. Pemantauan secara berkala dilakukan bagi memastikan setiap unit/bahagian mengemaskini maklumat yang diperlukan. Pemantauan dilakukan oleh Koordinator ICAN dengan mengenalpasti risiko yang dihadapi dalam proses pengumpulan data. Antara masalah yang dihadapi adalah data yang tidak dikemaskini dan program yang dijalankan tidak bersesuaian dengan petunjuk prestasi utama.

Koordinator ICAN akan menentukan bahawa program yang dijalankan menepati petunjuk prestasi utama dan sekiranya tidak bersesuaian, penyelaras yang terlibat akan dimaklumkan dan tindakan diambil bagi memastikan petunjuk prestasi tercapai. Terdapat juga kekangan dari segi teknologi dimana data yang telah dikemaskini adakalanya akan hilang tanpa diketahui. Koordinator ICAN perlu memastikan bahawa platform yang digunakan dapat dicapai oleh setiap PTJ dan memastikan bahawa keselamatan data dan maklumat terjamin serta sahih dan betul. Bagi mengelakkan berlakunya kehilangan data dan maklumat, Koordinator ICAN perlu mengambil langkah dengan mengemaskini setiap maklumat yang diterima di 'google drive' ke dalam Sistem SMART.

UiTMCNS telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi memastikan keselamatan data dan maklumat dapat diuruskan dengan baik. Unit ICAN telah merangka langkah-langkah jaminan bagi mengurus risiko kehilangan data seperti Rajah 4.9. Setiap unit/bahagian perlu mengambil tindakan pencegahan bagi mengurangkan risiko kehilangan data dengan memastikan maklumat sentiasa dikemaskini ke dalam template Sistem SMART ICAN.

Berdasarkan analisis yang dijalankan melalui templat Sistem SMART ICAN, beberapa kekurangan dapat dikenalpasti dan seterusnya akan diperbaiki melalui Plan(P), Do(D), Check(C) dan Action(A). PDCA dapat membantu memperbaiki kekurangan serta memperkasakan kekuatan yang sedia ada dan seterusnya mencapai petunjuk prestasi utama. Rajah 4.10 menunjukkan kepentingan templat Sistem SMART ICAN bagi pengumpulan data.

Proses pengumpulan data dari setiap PTJ adalah dengan menggunakan aplikasi 'Google drive'. PTJ perlu mengisi maklumat yang terdapat dalam templat dan Koordinator ICAN akan memasukkan maklumat yang diterima ke dalam Sistem SMART ICAN. Sekiranya program yang dijalankan tidak menepati petunjuk prestasi utama, makluman segera dilakukan kepada penyelaras bagi memastikan tindakan penambahbaikan dilakukan dengan kadar segera.

SENARAI BUKTI :

1. [4.4.2.1 Aplikasi 'Google-drive'.pdf](#)
2. [4.4.2.2 Langkah-langkah jaminan bagi mengurus risiko kehilangan data.pdf](#)
3. [4.4.2.3 Kepentingan template Sistem SMART ICAN.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pencapaian masa hadapan diukur berdasarkan kajian terhadap permasalahan dan penambahbaikan yang dikenalpasti pada pencapaian semasa. Ini dilakukan dengan menilai semula setiap elemen dalam petunjuk prestasi utama. Mesyuarat berkala yang diadakan setiap bulan oleh Unit ICAN bertujuan membincangkan berkenaan petunjuk prestasi utama. Melalui mesyuarat ini, Unit ICAN dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh PTJ. Petunjuk prestasi utama pada Rajah 4.11 menunjukkan bilangan staf akademik yang disangkutkan di industri tempatan adalah seramai 4 orang. Walaubagaimanapun, hanya 2 staf akademik yang terlibat. Ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah kekurangan tenaga pakar dalam bidang penyelidikan. Selain itu, terdapat juga kekangan disebabkan oleh pandemik COVID 19 dimana pensyarah tidak dapat turut serta dalam industri memandangkan kebanyakan industri tempatan turut terkesan dengan pandemik ini. Bagi menangani masalah ini, UiTCMNS telah mengambil beberapa langkah proaktif antaranya memberikan galakan berterusan kepada staf akademik supaya bergiat aktif dalam bidang penyelidikan yang berkait rapat dengan industri dan dalam masa yang sama sangkutan staf akademik dalam industri tempatan dapat dicapai.

Pemantauan yang lebih terperinci dilakukan bagi memastikan masalah awal dapat dikesan dan seterusnya pencapaian petunjuk prestasi dapat dicapai mengikut sasaran yang telah ditetapkan. Melalui templat Sistem SMART ICAN, setiap PTJ perlu melaporkan sasaran semasa yang dicapai dan sekiranya sasaran tersebut masih tidak mencukupi, maka tindakan penambahbaikan perlu dilakukan. Sebagai contoh, petunjuk prestasi ke 16 pada Rajah 4.12 mensasarkan bilangan penganjuran program berteraskan University Community Engagement (UCE). Walaubagaimanapun, pencapaian semasa adalah kurang dari sasaran tahunan yang ingin dicapai. Oleh itu, beberapa penambahbaikan dilakukan dengan mempergiatkan penganjuran program di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) secara berterusan dengan memperluaskan skop UCE melibatkan penglibatan bersama masyarakat sekitar seperti Sekolah, IPT dan lain-lain.

SENARAI BUKTI :

1. [4.4.3.1 Bukti menunjukkan hasil pengumpulan data di UiTMCNS.pdf](#)
2. [4.4.3.2 Contoh bukti petunjuk prestasi dan tindakan penambahbaikan.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penambahbaikan, pembetulan dan pencegahan akan dilaksanakan selepas proses analisa data keberkesanan program disemak oleh Koordinator ICAN bagi mengenal pasti kelemahan UiTMCNS supaya pelaksanaan program di masa akan datang lebih sistematik, berkesan dan memberi impak positif kepada komuniti dan alumni khususnya. Ini dapat dilihat melalui penganjuran program dan aktiviti yang sama diteruskan pada tahun seterusnya secara bersiri mahupun kepada kelompok komuniti yang berbeza namun masih mengekalkan konsep perkongsian maklumat.

Perkongsian hasil analisa data bersama PTJ yang terlibat dilakukan untuk tindakan selanjutnya sekiranya perlu dan juga bagi tujuan penambahbaikan di masa akan datang.

Selain itu, program dan projek CSR yang terhasil dari kerjasama yang dijalinkan melalui MoA/MoU dan dana/geran projek bersama organisasi luar juga menjadi kayu ukur dan dianggap sebagai penambahbaikan dalam prestasi proses. Sebagai contoh pada tahun 2019, UiTMCNS telah mendapat geran Yayasan Khind Starfish dan telah berjaya melaksanakan 4 projek komuniti di bawah Projects for Happiness, yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah di luar bandar sekitar Negeri Sembilan dan pesakit-pesakit di wad kanak-kanak di Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN), Negeri Sembilan.

Manakala bagi MoU/ MoA, proses pemantauan dilakukan oleh BHEA, OIA dan ICAN bagi memastikan setiap PTJ melaksanakan aktiviti dalam jangka masa yang diperuntukkan serta berdasarkan skop kerjasama yang ditetapkan dalam MoU.

SENARAI BUKTI :

1. [4.5.1 Gambarajah.pdf](#)
2. [4.5.2 Senarai Program ICAN_2020.pdf](#)
3. [4.5.3 Laporan Happy Kids Happy World.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber manusia adalah merupakan elemen yang penting di dalam sebuah organisasi. Bagi pihak pengurusan Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) mereka amat mementingkan penglibatan secara tuntas serta permuafakatan warga UiTMCNS mengikut nilai-nilai PERPATIH dalam usaha untuk menjayakan visi, misi, objektif strategik serta pelan-pelan tindakan UiTM amnya dan UiTMCNS khususnya (*rujuk Kriteria 2, bukti 1*). Keadaan ini tetap diterjemahkan walaupun dalam keadaan dunia mendepani masalah Pandemik Covid19, namun UiTMCNS masih meneruskan cabaran dalam menghadapi masalah global tersebut. Antara lain cabaran yang dihadapi sepanjang Pandemik Covid19 ini telah mengubah landskap global, malahan ianya melibatkan Pendidikan di Universiti. Berikutan daripada cabaran ini menyebabkan kampus UiTMCNS sehingga kini beroperasi secara terhad dan proses pembelajaran dilakukan secara dalam talian. Namun demikian, keadaan ini tidak menjadikan pihak pengurusan UiTMCNS terus ketinggalan dalam melaksanakan setiap inisiatif strategik bagi mencapai KPI tahunan yang ditetapkan.

Keadaan ini dapat dibuktikan melalui ketetapan yang telah dibuat, dimana pihak pengurusan UiTMCNS telah merancang dan melaksanakan aktiviti Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan dengan jayanya selaras dengan PI UiTMCNS. Keterlibatan setiap kakitangan, samada daripada pihak akademik begitu juga pihak pentadbiran juga amat dititikberatkan oleh pihak pengurusan UiTMCNS, khususnya dalam membudayakan serta memasyarakatkan warga UiTMCNS untuk terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dengan aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan. Aspirasi ini disokong melalui penglibatan kepakaran dan pengalaman staf melalui aktiviti dan program yang telah dianjurkan dan dirancang oleh pihak UiTMCNS samada bersama Alumni, Komuniti dan kesukarelawan yang dilaksanakan serta ianya mampu memberi manfaat kepada pelbagai lapisan pelanggan di UiTMCNS. Malahan pihak UiTMCNS mampu mengalas Amanat yang telah disampaikan oleh Menteri Pendidikan pada tahun 2019 "Universiti untuk Masyarakat" melalui aktiviti yang dilaksanakan dalam tujahan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan.

Oleh yang demikian, di antara tumpuan utama pihak pengurusan kampus adalah bagi aspek sumber manusia terutamanya di dalam hal-hal berkaitan penyampaian perkhidmatan Bahagian HEA, HEP dan PJIM&A. Khususnya dalam memastikan keselarasan gerak kerja ketiga-tiga kampus UiTMCNS berlandaskan visi, misi dan nilai UiTMCNS umumnya serta visi, misi dan objektif bahagian-bahagian utama yang telah ditetapkan hasil daripada perbincangan serta beberapa siri mesyuarat dapat dilaksanakan dengan terbaik dan mencapai sasaran. Ini kerana umum mengetahui bahawa aktiviti BHEA, BHEP dan BPJIM&A yang berteraskan kecemerlangan akan melahirkan graduan dan tenaga kerja yang berdaya saing, global dan beretika. Maka, pengagihan staf yang terlibat serta kaedah yang digunapakai bagi menguruskan sumber manusia serta menjayakan penyampaian perkhidmatan dalam bidang yang menjurus kepada tadbir urus jaringan industri, masyarakat dan alumni, bidang kesukarelawan adalah berpandukan kepada keupayaan dan kapasiti keseluruhan tenaga kerja mengikut keperluan semasa seiring dengan perancangan aktiviti program alumni, komuniti & kesukarelawan.

UiTMCNS mempunyai jumlah tenaga kerja seramai Tujuh Ratus Sembilan Belas (719) orang staf di mana ianya terdiri daripada 423 orang staf Akademik dan 296 orang staf pentadbiran (Rajah 5.1). Sejajar dengan jumlah tenaga kerja ini, pihak pengurusan UiTMCNS telah memastikan keterlibatan setiap dari tenaga kerja ini secara efektif maka Bahagian HEP, HEA dan PJIM&A telah diletakan sebagai penggerak utama dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada staf dan pelajar dalam menjalankan aktiviti alumni, komuniti & kesukarelawan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCNS amat menekankan penglibatan semua staf, samada daripada pihak akademik mahupun pentadbiran. Penglibatan tenaga kerja secara optimum amat penting dalam merealisasikan agenda Universiti serta agenda UiTMCNS. Ianya merupakan salah satu perkara yang sentiasa diberi perhatian oleh UiTMCNS terutamanya penglibatan tenaga kerja dalam hal-hal berkaitan penyampaian perkhidmatan dalam bidang akademik khususnya mahupun bukan akademik dalam keadaan Covid19 ini. Tenaga kerja yang terlibat bagi memberikan perkhidmatan efisien dalam memastikan kelancaran skop operasi, akademik dan kurikulum terdiri daripada staf akademik iaitu pensyarah serta staf bukan akademik iaitu staf daripada bahagian-bahagian serta unit-unit yang berkaitan seperti BHEA, BHEP dan BPJIM&A. Bagi memastikan tenaga kerja terlibat secara optimum berdasarkan kepakaran dan pengalaman mereka, pihak pengurusan kampus memberi penekanan terhadap 3 aspek utama iaitu kompetensi, latihan dan kesedaran. Ketiga-tiga aspek ini adalah seperti dinyatakan di dalam Manual Kualiti UiTMCNS (6.2.2 m.s. 39/55).

Selain daripada staf, pelajar juga merupakan sebahagian daripada sumber manusia yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan. Malahan ianya juga terlibat dalam penambahbaikan yang dilakukan dalam skop aktiviti program alumni, komuniti & kesukarelawan. BHEA dan BHEP juga adalah merupakan penggerak dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada staf dan pelajar dalam menjalankan aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan tersebut. Melalui hebahan berkenaan tempoh permohonan bagi menggalakkan staf dan pelajar menghantar kertas kerja contohnya seperti Rajah 5.2.

Antara pendekatan yang digunapakai di UiTMCNS dengan mengenalpasti staf yang bersesuaian dengan kepakaran dan pengalaman dari pelbagai bidang dan peringkat yang bersesuaian dalam menjalankan program berkaitan dalam aspek alumni, komuniti dan kesukarelawan. Penglibatan staf berkepakaran dapat dilihat melalui pelantikan sebagai penceramah, fasilitator, ahli jawatankuasa dan lain-lain di bawah inisiatif strategik JI&K (sila rujuk Rajah 5.4). Sumber tenaga di kalangan staf amat diperlukan dalam memastikan gerak kerja dan bidang tumpuan yang telah ditetapkan pada 6 PI seperti dicatatkan di dalam Rajah 5.3 di bawah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Kepakaran setiap staf akademik juga dapat dioptimumkan dengan sebaiknya.

Bukan setakat itu sahaja, melalui peningkatan perjanjian MOU dan MOA yang dijalankan di UiTMCNS bersama dengan industri mahupun pihak yang berkepentingan seperti NGO termasuk yang menyediakan geran-geran dalam jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan juga turut dijadikan sebagai salah satu kaedah yang dirancang dan dilaksanakan oleh pihak UiTMCNS dalam merealisasikan kecemerlangan dalam aktiviti bidang tujuhan tersebut. Sepanjang 2019/2020 sebanyak 17 aktiviti telah berjaya dilaksanakan di kampus Kuala Pilah sahaja mengikut kepada pelaporan pihak HEP, manakala pihak HEP kampus Seremban telah berjaya melaksanakan 9 program berbentuk alumni, komuniti dan kesukarelawan. Selain itu BHEA juga berjaya menarik penglibatan staf akademik dan bukan akademik membantu menganjurkan 21 program sepanjang tahun 2019 hingga 2020. (Rujuk Lampiran Hasil -Jadual 7.1.1)

Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui kejayaan yang telah dikecapi oleh UiTMCNS bagi memperlihatkan kecemerlangan yang telah berjaya dibuktikan dengan penerimaan beberapa anugerah pada tahun 2019-2020 antaranya sewaktu Mesyuarat Timbalan Naib Canselor ICAN bersama Rektor, Dekan, Timbalan Rektor Kampus (PJI) dan Timbalan Dekan ICAN dan PJI (MeTIC 7). Dua anugerah tersebut adalah Anugerah Jaringan Alumni: Kategori Khidmat Kepakaran (Tempat Kedua) dan Anugerah Jaringan Industri: Kategori MoU & MoA (Tempat Kedua). (Sila rujuk Rajah 5.5).

SENARAI BUKTI:

1. [5.2.1 Lampiran Hasil 2 .pdf](#)

-
2. [5.2.2 Rajah 5.2 Hebahan untuk menghasilkan kertas kerja \(sumber BHEA UiTMCNS\).pdf](#)
 3. [5.2.3 Rajah 5.3 Petunjuk Prestasi \(PI\) UiTMCNS.pdf](#)
 4. [5.2.4 Rajah 5.4 Penglibatan Staf UiTMCNS Dalam Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan.pdf](#)
 5. [5.2.5 Rajah 5.5 Anugerah MeTIC 7 2019-2020.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi merealisasikan segala perancangan yang telah dijalankan terhadap aktiviti alumni, komuniti dan sukarelawan maka pihak pimpinan UiTMCNS telah menyediakan mekanisme yang pelbagai dalam menyebarkan maklumat berkaitan seperti yang ditunjukkan dalam (Rujuk Jadual 1.4). Penggunaan mekanisme ini amat membantu semua staf khususnya dalam mengenalpasti aspek yang perlu dihayati dan diguna pakai bagi memastikan segalanya berada pada landasan yang sepatutnya.

Alumni UiTMCNS turut dijadikan sebagai pakar rujuk dalam memberi kepakaran mereka seperti membuat aktiviti dan program-program yang dijalankan bersama-sama dengan pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Kepakaran dikalangan para pensyarah untuk menjalankan aktiviti dan kerjasama juga dapat ditonjolkan melalui penglibatan staf, kerjasama dan jalinan dengan pihak industri. Selain itu, staf UiTMCNS sentiasa diberi latihan, kursus, bengkel dan diasah bakat untuk menengahkan idea serta kepakaran mereka melalui peluang-peluang dalam meningkatkan keupayaan diri melalui aktiviti tersebut. Melalui pendekatan itu juga, mendorong pihak luar seperti pihak industri dalam menjalankan kolaborasi bersama UiTMCNS bagi menjayakan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas.

Oleh yang demikian, pihak UiTMCNS juga turut menggunakan pendekatan dengan menghantar staf di setiap kampus untuk menjalani Latihan bersama pihak industri mahupun NGO bagi meningkatkan bidang kepakaran masing-masing. Aktiviti yang dijalankan ini bukan setakat terhad dalam bentuk sumbangan bersifat kewangan, tenaga mahupun harta, sebaliknya ianya turut melibatkan penghasilan produk yang boleh digunakan oleh masyarakat. (Rujuk Rajah 5.4).

Di peringkat fakulti juga turut memberi sumbangan yang sangat signifikan untuk mencapai hasil bidang tumpuan sebagai contoh pelbagai program berkaitan alumni, komuniti dan sukarelawan yang telah dianjurkan samada di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan universiti di Fakulti Pengurusan Perniagaan sepanjang tahun 2019 hingga 2020 telah berjaya mendapat penglibatan seramai 138 orang pensyarah bersama 600 orang pelajar. Diantara program yang telah dianjurkan adalah Program Pemantapan Komunikasi Berkesan dan Trek Usahawan Berjaya: Kreatif Atau Inovasi.

Penglibatan bekas Alumni pelajar-pelajar UiTMCNS juga mampu memberikan impak yang besar dalam meningkatkan prestasi pencapaian UiTMCNS. Melalui penubuhan persatuan alumni UiTMCNS dilihat mampu membawa penglibatan bekas-bekas pelajar UiTMCNS bersama-sama berganding bahu dengan pihak pengurusan dalam merangka aktiviti, program dalam pelbagai bentuk seperti ceramah, perkongsiaan idea dan pengalaman serta lain-lain lagi dalam meningkatkan keyakinan dikalangan peserta.

Bagi tanggungjawab sosial, staf UiTMCNS telah menghasilkan produk inovasi untuk kegunaan pelajar sekolah di luar bandar, keluarga dan masyarakat di Daerah-daerah Negeri Sembilan khususnya. Sebagai contoh produk yang dihasilkan oleh pensyarah dari Fakulti Sains Gunaan, Kampus Kuala Pilah iaitu "Lips Balm" dari biji rambut dan produk inovasi pes "halia" dan "lengkuas" yang mudah disediakan dalam masakan. Produk inovasi ini bukan sahaja mampu membantu pihak masyarakat setempat menggunakan malahan ianya mampu membantu menjana pendapatan buat penduduk setempat.

Pihak UiTMCNS juga telah berjaya menerima 2 Anugerah Universiti tahun 2019 dari pihak UiTM, Kategori utama Anugerah Pengajaran (kelompok Sains) dan Anugerah Penyelidik Terbaik Kelompok Pengurusan dan Perniagaan. Bagi kategori penyelidik terbaik itu, Prof Madya Dr Masitah bt Ahmad telah memperolehi geran antarabangsa dari United Kingdom, melalui penyelidikan ini, dapat membantu masyarakat khususnya penenun songket yang berada di luar bandar seperti di Hulu Terengganu. Pengiktirafan yang diterima ini juga membuktikan staf UiTMCNS mempunyai tahap keprihatinan yang tinggi menghasilkan penyelidikan yang berasaskan penggunaan dan kepentingan masyarakat di Malaysia.

SENARAI BUKTI :

1. [5.3.1 SURAT LANTIKAN FASILITATOR BENGKEL PEMBUATAN ROTI DENGAN INDUSTRI.pdf](#)
2. [5.3.2 Sijil Penubuhan Persatuan Alumni.pdf](#)
3. [5.3.3 Rajah 5.6 Bengkel Pembuatan Roti.pdf](#)
4. [5.3.4 Rajah 5.7 Aktiviti Bersama Organisasi Luar.pdf](#)
5. [5.3.5 Anugerah Akademik Universiti 2019.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi menjayakan aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan ini serta memberi khidmat bakti kepada pihak masyarakat bukanlah satu agenda yang mudah. Oleh yang demikian bertepatan dengan konsep iDART yang diperkenalkan oleh pihak pengurusan tertinggi UiTM maka, UiTMCNS telah mengambil langkah proaktif dengan menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk kerohanian dan keagamaan seperti “program bersama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan” telah berjaya dilaksanakan. Malahan ramai penceramah-penceramah yang terkenal di Malaysia, seperti Datuk Ustaz Kazim Elias, Ustaz Syamsul Debat, Ustazah Asma Abdullah dan sebagainya telah dijemput sebagai tetamu dalam menyampaikan dan berkongsi dengan seluruh warga UiTMCNS berkaitan dengan ilmu dalam membentuk budaya prihatin kepada masyarakat. Selain itu dalam keadaan pendamik Covid19 pada tahun 2020 maka banyak aktiviti secara webinar di atas talian telah berjaya dilaksanakan.

Melalui aktiviti seumpama ini, mampu membantu untuk membuka minda dan memberi lebih pilihan kepada staf UiTMCNS dalam melakukan bukan hanya aktiviti yang melibatkan P&P semata-mata. Sebaliknya, aktiviti yang bersifat kerohanian ini juga mampu membantu mengurangkan masalah “*burn out*” serta mampu meningkatkan lagi daya ketahanan mental setiap staf.

Dalam pada masa yang sama, pihak pengurusan UiTMCNS menekan persekitaran dan sistem kerja yang selesa dan kondusif bagi memastikan proses pembangunan sumber manusia ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Suasana pembelajaran dan budaya kerja yang selesa serta selamat mampu membantu kelancaran tugas pihak Fakulti, Kampus dan UiTMCNS secara keseluruhannya serta mampu menwujudkan semangat untuk bekerja dan belajar dengan lebih positif dan memastikan hubungan antara staf dapat dieratkan. UiTMCNS turut menyediakan “*hand sanitizers*”, pencatat suhu badan, dan poster-poster berkaitan dengan SOP serta penjarakkan sosial di setiap jabatan dalam memberikan peringatan dan makluman kepada semua warga UiTMCNS. (<https://www.youtube.com/watch?v=I90o7ESvavQ&t=17s>)

Disamping mewujudkan medium maklumbalas dalam bentuk QR Code untuk tindakan staf setiap kali memasuki pejabat ataupun menggunakan kemudahan dikampus UiTMCNS. Bukan setakat itu sahaja, bagi memastikan tahap kepuasan hati dikalangan staf dapat dicapai pihak pengurusan UiTMCNS turut menganjurkan program Team Building yang melibatkan semua staf akademik dan pentadbiran yang diadakan pada Ogos 2019 dan Januari 2020.

SENARAI BUKTI:

1. [5.4.1.1 Jadual 5.1 Peranan Setiap Bahagian.pdf](#)
2. [5.4.1.2 Rajah 5.8 Kemudahan dan Fasiliti UiTMCNS.pdf](#)
3. [5.4.1.3 Rajah 5.9 Program Ceramah Agama.pdf](#)
4. [5.4.1.4 Rajah 5.10 Poster Maklumat Terkini Berkaitan Covid19 dan Link Youtube.pdf](#)
5. [5.4.1.5 Rajah 5.11 Team Building.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Selain daripada sistem pemantauan dengan menggunakan borang maklumbalas QR Code, pengurusan risiko juga merupakan salah satu aspek yang ditekankan oleh pihak pengurusan UiTMCNS serta sering diberi perhatian. Ini adalah bagi memastikan kualiti kepuasan hati sumber manusia dapat dijalankan dengan penuh bersistematik. Bertepatan dengan itu, maka telah menjadi keutamaan di UiTMCNS dalam memastikan penambahbaikan dan pemantapan sistem pengurusan risiko yang berkesan digunakan dalam menangani dan mendepani isu-isu yang melibatkan sumber manusia khususnya ketika pandemik Covid19 ini. Bagi meningkatkan matlamat tersebut maka sistem penyampaian perkhidmatan dipastikan dalam keadaan yang cekap dan tepat digunakan.

Malahan, untuk memastikan ianya dapat direalisasikan pihak pengurusan UiTMCNS akan memastikan sebarang aduan ketidakpuasan hati serta aduan daripada tenaga sumber manusia UiTMCNS mengenai persekitaran dan juga sistem kerja maka mereka akan bertindak dengan cepat dan efektif berdasarkan laporan yang diterima. Jika terdapat sebarang laporan yang berkaitan dengan ketidakpuasan hati dikalangan staf UiTMCNS, sebagai contoh terdapat masalah di dewan yang menganjurkan aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan maka, staf sokongan akan segera membantu dalam menyelesaikan masalah tersebut. Bukan setakat terhenti disitu, malahan pihak pengurusan UiTMCNS turut memastikan setiap laporan yang diterima itu akan dilayan mengikut kepada keperluan dan mengutamakan penyelesaiannya mengikut kategori yang dilaporkan. (sila rujuk Rajah 5.12).

Selain itu, keberkesanan dan kecekapan jawatankuasa yang terlibat di dalam sesebuah program bagi menjayakan bidang tumpuan dapat dinilai melalui keberkesanan program yang dijalankan. Maklumbalas daripada peserta juga jawatankuasa terlibat akan dikenalpasti pada sesi "**postmortem**" bagi sesebuah program yang telah dijalankan. Jawatankuasa yang terlibat dalam sesebuah program akan sentiasa dipantau melalui "*Whatsapp Group*" bagi memastikan segala permasalahan dan keluhan ahli jawatankuasa dapat ditangani bersama. Pihak Jawatankuasa tertinggi BHEA, BHEP, dan BPJIM&A, sentiasa memantau dan memberikan sokongan kepada ahli jawatankuasa yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Berikut merupakan maklumbalas tahap kepuasan jawatankuasa yang terlibat dalam sesebuah program. Majoriti ajk sangat berpuashati berkenaan kerjasama yang diberikan oleh ajk terlibat, pada setiap program dan keseluruhan program yang disertai, serta kerjasama daripada pihak Ketua Pusat Pengajian, Koordinator dan Timbalan Rektor HEA, HEP dan PJIM&A. Maka melalui kaedah ini, maka pihak pengurusan UiTMCNS telah mengambil inisiatif yang bersesuaian dengan keadaan semasa khususnya pada zaman pandemik Covid19 ini.

SENARAI BUKTI :

1. [5.4.2.1 Rajah 5.12 Pengurusan Risiko Sumber Manusia.pdf](#)
2. [5.4.2.2 Rajah 5.13 Perbincangan melalui bersemuka, "Whatsapp" dan atas talian di antara AJK semasa satu-satu program dijalankan.pdf](#)
3. [5.4.2.3 Aktiviti Alumni.pdf](#)
4. [5.4.2.4 Rajah 5.14 Perbincangan dengan Komuniti Antarabangsa.pdf](#)

5.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bidang tumpuan (KPI) adalah amat penting untuk direalisasikan oleh sesebuah organisasi. Tetapi ianya tidak akan mampu dilaksanakan tanpa sumber manusia (staf) yang sangat komited. Tanpa sokongan dan penghargaan daripada koordinator dan jawatankuasa tertinggi semua bahagian di UiTMCNS, staf tidak akan mampu melaksanakan tugas yang diberikan bersungguh-sungguh. UiTMCNS telah menggunakan kaedah yang dinamik terhadap penggunaan sumber manusia bagi membantu warga kerja melakukan transformasi ke arah perkhidmatan yang cemerlang. Selaras dengan itu juga, adalah menjadi keutamaan UiTMCNS untuk memastikan pengkajian semula dan tindakan penambahbaikan dalam sumber manusia sentiasa dilakukan dalam mencapai KPI yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian, indikator seperti penunjuk prestasi termasuk keterlibatan staf individu mahupun secara berkumpulan di kalangan staf UiTMCNS, pengiktirafan dan ganjaran dalam pengurusan sumber manusia terus dilaksanakan serta dikembangkan bagi memotivasikan serta memberikan rangsangan dikalangan warga UiTMCNS untuk terus terlibat dalam program-program berkaitan dengan aspek alumni, komuniti dan kesukarelawan. Bagi menyesuaikan dengan keadaan Covid19 yang telah membataskan penganjuran segala program secara bersemuka, maka pihak pengurusan UiTMCNS telah merancang tindakan penambahbaikan dalam penganjuran majlis anugerah yang akan diberikan kepada staf dapat dijalankan juga.

Pendekatan yang baru iaitu berbentuk maya telah dicadangkan. Perancangan yang telah dibuat oleh pihak pengurusan dalam tindakan penambahbaikan untuk memastikan KPI bidang tumpuan ini dapat dilaksanakan dengan baik ialah menganjurkan anugerah-anugerah tersebut seperti "ANUGERAH APRESIASI REKTOR UiTM CAW. NEGERI SEMBILAN" dan "ANUGERAH V-KHAS UiTM CAW. NEGERI SEMBILAN". Ke semua perancangan anugerah secara maya ini, diwujudkan serta dilaksanakan bagi menghargai setiap daripada sumber manusia dalam usaha untuk meningkat lagi keterlibatan dan kecemerlangan dikalangan mereka dan pelajar untuk aktiviti yang digariskan.

Risiko Covid19 terhadap sumber manusia juga sering diambil berat bagi memastikan semua staf UiTMCNS dalam keadaan yang sentiasa selamat serta tidak berisiko apabila berada di dalam kampus. Melalui pelantikan sebagai penceramah, fasilitator, ahli jawatankuasa dan lain-lain di bawah inisiatif strategik UiTMCNS dengan menunjukkan keterlibatan dan suasana budaya kerja yang harmoni, cemerlang dan berkualiti. Gabungan yang padu dan komited ini telah menghasilkan kejayaan dalam setiap penganjuran aktiviti samada di peringkat Fakulti, Kampus, Universiti dan juga pihak luar seperti pihak industri. Pihak UiTMCNS bukan sahaja komited malah benar-benar telah melaksanakan pembangunan insan, serta mempunyai sistem yang terbaik digunakan.

SENARAI BUKTI :

1. [5.4.3.1 Anugerah Apresiasi Rektor 2020.pdf](#)
2. [5.4.3.2 Anugerah V-Khas 2020 Secara Maya.pdf](#)
3. [5.4.3.3 Rajah Template Alumni _Program Jaringan Alumni.pdf](#)
4. [5.4.3.4 Aktiviti Webinar Alumni.pdf](#)
5. [5.4.3.5 Template Laporan KOMUNITI.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil tindakan yang telah dirancang dalam memastikan segala terlaksana pada bahagian terdahulu, maka pihak pengurusan UiTMCNS telah menjalankan beberapa tindakan yang bersesuaian untuk pengurusan sumber manusia. Ini mampu diterjemahkan dengan membantu staf melakukan transformasi kearah penglibatan yang lebih komited. Bertepatan dengan itu, pihak pengurusan UiTMCNS sentiasa memberikan penghargaan, serta ganjaran untuk memotivasikan staf UiTMCNS. Insentif ini dilakukan secara langsung dan tidak langsung sejajar dengan pencapaian visi dan misi UiTMCNS dalam setiap program yang dijalankan berakhir.

Matlamat ini hanya mampu dicapai melalui kaedah penghargaan ucapan terima kasih dan amalan meraikan sumber manusia seperti kenaikan pangkat, majlis persaraan, perkhidmatan cemerlang, jamuan hari raya dan keraian anjuran Kelab Kebajikan Staf UiTMCNS yang dilantik di setiap kampus. Majlis penghargaan dan keraian ini juga turut dianjurkan bertujuan dalam mengeratkan silaturahim sesama staf dan pelajar di UiTMCNS. Lebih menarik, penghargaan melalui majlis anugerah inovasi, peringkat UiTMCNS dan anugerah khas rektor yang turut dijalankan dalam memberi penghargaan kepada individu-individu yang telah banyak menyumbang kepada UiTMCNS dalam bidang alumni, komuniti dan kesukarelawan sebagai galakan dan semangat kepada mereka (*sila rujuk jadual 5.2*). Ini adalah selaras dengan Hasrat yang telah diwartakan oleh pihak Universiti dalam memberi insentif dan penghargaan serta pengiktirafan kepada staf yang terlibat dalam aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan. Seterusnya mampu memberikan galakan yang berterusan kepada sumber manusia untuk terus memberikan komitmen yang padu pada masa hadapan di UiTMCNS.

Dijalan kan juga program oleh pihak pengurusan berbentuk anugerah diberikan kepada sumber manusia atas kerja dan usaha yang dilakukan oleh mereka dalam menjalankan aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan. Segala anugerah yang diadakan ini adalah selaras dengan hasrat pihak Universiti untuk memberi insentif dan pengiktirafan bagi menggalakan staf UiTMCNS terus memberikan komitmen yang padu dalam setiap aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan pada masa hadapan. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) sebagai contoh adalah juga penghargaan berbentuk ganjaran dan pengiktirafan yang diberikan kepada staf yang mempamerkan prestasi cemerlang setiap tahun. Setiap tahun turut dianjurkan Majlis Bulan Inovasi Sains dan Teknologi mengikut tema yang berbeza. Pada majlis kemuncak untuk bulan inovasi tersebut, satu majlis penghargaan turut diberikan kepada staf yang cemerlang dalam semua aspek termasuk yang bergiat dalam aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan.

SENARAI BUKTI :

1. [5.5.1 Jadual 5.2 Fungsi Teras Unit-unit yang terlibat.pdf](#)
2. [5.5.2 Anugerah dan Majlis Penghargaan.pdf](#)
3. [5.5.3 Aktiviti.pdf](#)
4. [5.5.4 Kenaikan Pangkat dan APC.pdf](#)
5. [5.5.5 Anugerah Apresiasi Rektor 2020 dan V-Khas.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCNS telah menerima 13 petunjuk prestasi (PI) pada tahun 2019 dan 17 pada tahun 2020 yang berkaitan dengan bidang tujahan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan sepertimana yang telah ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Perancangan bagi memenuhi PI tersebut dimulakan dengan pengagihan pelaksanaan program kepada PTJ iaitu fakulti, pusat pengajian dan jabatan di UiTMCNS. Penetapan ini dibuat hasil daripada perbincangan semasa bengkel anjuran Unit Strategik dan Transformasi Universiti (STU) UiTMCNS sepanjang tahun 2019 – 2020.

Bagi mencapai PI universiti yang telah ditetapkan, UiTMCNS telah menggariskan 3 proses utama iaitu proses pengumpulan data Alumni, proses permohonan dana dan geran dan proses pelaksanaan program dibawah jaringan komuniti, kemasyarakatan dan alumni.

Keberkesanan proses yang digunakan dipantau menggunakan beberapa pendekatan. Bagi proses pengumpulan data alumni, satu mesyuarat 'Annual General Meeting' telah dilaksanakan secara atas talian. Pelaksanaan ini bagi memastikan semua ahli dapat hadir bagi membincangkan isu dan permasalahan bagi penubuhan Persatuan Alumni UiTMCNS. Diakhir mesyuarat, soal selidik keberkesanan program telah diedarkan. Analisa soal selidik ini dilaporkan didalam laporan akhir program tersebut. Sementara itu, bagi proses permohonan dana dan geran aktiviti, keberkesanan proses dipantau dengan jumlah dana dan geran yang diterima untuk tahun 2019 dan 2020. Secara keseluruhannya UiTMCNS menerima sebanyak RM 16,120.00 pada tahun 2019 dan RM 7000.00 bagi tahun 2020. Bagi proses terakhir iaitu pelaksanaan program, keberkesanan program dinilai daripada hasil soal selidik yang dijalankan di akhir program yang dijalankan. Soal selidik ini dianalisa dan disertakan dalam laporan akhir pelaksanaan program. Antara sistem pelaporan program yang digunapakai adalah sistem SMART (Sistem Maklumat Analisa dan Repositori). Selain itu, ada juga pelaporan yang perlu dibuat kepada Unit Perancangan Strategik, UiTMCNS serta pelaporan dalam setiap mesyuarat JPN dan JJN kampus

Dalam usaha untuk menambah baik proses kerja ke arah pencapaian PI dan hasil kerja yang optimum, UiTMCNS telah mengambil inisiatif dengan mengadakan mesyuarat post-mortem bagi setiap program yang dianjurkan, Program Jerayawara di ketiga-tiga kampus (Kuala Pilah, Seremban, Rembau) dan mewujudkan kumpulan WhatsApp bersama Alumni UiTMCNS. Selain itu, risiko menghalang UiTMCNS bagi mencapai PI yang telah dikenal pasti. Antara risiko yang dikenal pasti adalah pandemik Covid-19. Bagi mengatasi masalah pandemik Covid-19 ini, semua proses utama yang dirancang telah dilaksanakan secara atas talian.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses-proses utama yang berkesan adalah penting dalam memastikan program dirancang dapat berjalan dengan lancar. UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) menggunakan-pakai tiga proses utama bagi memastikan projek/aktiviti CSR dan MoA/MoU dapat dilaksanakan dengan jayanya. Jadual 6.1 menunjukkan proses-proses utama yang terlibat bagi mencapai KPI dan objektif UiTMCNS dalam bidang jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan.

Pendekatan yang berkesan adalah penting bagi memastikan setiap objektif sesuatu jabatan dapat dicapai. Oleh itu, UiTMCNS telah melaksanakan beberapa pendekatan bagi memastikan setiap maklumat yang diperolehi dapat disampaikan dan juga segala program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Berikut merupakan beberapa kaedah atau pendekatan yang dilaksanakan.

6.2.1 Pengumpulan Data Alumni

Pengumpulan data alumni merupakan satu cabaran yang besar yang perlu dihadapi oleh UiTMCNS bagi mendapatkan data mengenai alumni UiTMCNS. Oleh itu beberapa langkah telah dirancang dan dilaksanakan bagi mencapai matlamat tersebut. Antara langkah yang dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Mewujudkan akaun di media sosial (Facebook), pembentukan ini bagi membolehkan soal selidik bagi mendapatkan data alumni dilakukan.
- ii) Data daripada survey tersebut digunakan untuk pembentukan kumpulan WhatsApp (Alumni UiTMCNS). Makluman mengenai sebarang aktiviti dan program alumni UiTMCNS dapat disalurkan melalui kumpulan WhatsApp dapat diterima dengan lebih cepat.
- iii) Hasil daripada pembentukan kumpulan WhatsApp ini, satu General Meeting untuk Alumni UiTMCNS telah berjaya dilaksanakan pada 2 Disember 2020 bagi membincangkan isu-isu dan aktiviti dibawah alumni UiTMCNS.

6.2.2 Proses permohonan dana/geran projek

Bagi menjayakan program-program dibawah Alumni, jaringan komuniti dan kemasyarakatan, dana merupakan salah satu keperluan yang diperlukan. UiTMCNS memperolehi 2 jenis dana yang digunakan untuk menjalankan aktiviti – aktiviti di bawah alumni dan jaringan komuniti dan kemasyarakatan iaitu dana dalaman dan dana luaran. Dana dalaman adalah diperolehi daripada UiTM sendiri manakala dana luaran diperolehi daripada organisasi luar seperti Yayasan Khind Starfish.

Proses permohonan Dana adalah melibatkan pelajar dan pensyarah sebagai penasihat dan pembimbing pelajar. Pelajar akan bertindak sebagai ketua projek dan dibimbing oleh penasihat yang terdiri daripada pensyarah atau staf. Permohonan Dana luar biasanya dimohon secara atas talian contohnya seperti Dana Yayasan Khind Starfish dibuat dengan menghantar borang permohonan menggunakan google form yang disediakan oleh penaja. Projek yang dipilih akan dipanggil untuk sesi pembentangan. Semasa sesi pembentangan dijalankan projek akan dinilai oleh jawatankuasa yang dilantik oleh penaja. Keputusan pemilihan dan jumlah dana yang akan diberikan akan diumumkan di akhir sesi pembentangan.

Permohonan yang berjaya perlu menjana dana kewangan sebanyak 15% daripada jumlah dana yang diberikan oleh penaja dalam masa yang telah ditetapkan oleh penaja. Laporan penajaan 15% ini perlu di laporkan kepada penaja sebelum pihak penaja memberikan dana yang diluluskan kepada pemohon. Pemohon akan diberikan masa untuk melaksanakan program dan laporan akhir perlu dihantar kepada penaja setelah program tamat dijalankan.

Bagi permohonan dana dalaman, permohonan perlu di hantar ke UiTM. Projek akan dinilai oleh

jawatankuasa yang dilantik. Jika permohonan berjaya dana akan disalurkan kepada pemohon untuk menjalankan program yang dicadangkan. Antara dana dalaman yang diperolehi adalah geran Alumni dibawah Tabung Amanah Alumni, Tabung TAPA dan Tabung Persatuan Pelajar.

6.2.3 Pelaksanaan Projek melibatkan Jaringan Alumni/ Komuniti dan Kesukarelawanan

Pelaksanaan projek kemasyarakatan bermula dengan aktiviti sumbang saran antara jawatankuasa dibentuk yang terdiri daripada pelajar, pensyarah serta terdapat juga komuniti dipilih. Pihak berkuasa tempatan (PBT) juga berperanan dalam memberikan ide bagi mengetengahkan projek komuniti yang bersesuaian. Hasil daripada sumbang saran ini menghasilkan senarai aktiviti yang akan dilaksanakan. Projek yang melibatkan alumni serta MOU/MOA sedia ada akan diberikan keutamaan dari segi pelaksanaannya. Kertas kerja program disediakan dan akan dihantar ke bahagian pembangunan sumber manusia (PPSM) bagi mendapatkan kelulusan program dijalankan.

Setelah mendapat kelulusan, permohonan dana bagi menjalankan program akan dirancang. Setelah mendapat cukup dana, program akan dijalankan. Penilaian keberkesanan program dan cadangan penambahbaikan program akan diedarkan semasa program dijalankan. Setelah program tamat, pelaporan perjalanan program akan dibuat dan dihantar ke PPSM untuk tindakan di pihak PPSM.

Di dalam semua projek berkaitan yang dirancang dan dilaksanakan, penglibatan pelajar dan staf adalah sangat digalakkan terutamanya sebagai sukarelawan bagi projek-projek yang melibatkan komuniti. Penglibatan ini merupakan langkah proaktif dan kos efektif dalam mengoptimumkan kerja (work optimization) di peringkat kampus.

SENARAI BUKTI:

1. [Jadual 6.1 Proses-proses utama bidang jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan..pdf](#)
2. [6.2.1.1_Facebook dan paparan skrin kumpulan WhatsApp Alumni UiTMCNS.pdf](#)
3. [6.2.1.2_Laporan Annual General Meeting Persatuan Alumni UiTMCNS.pdf](#)
4. [6.2.2.1_Surat kelulusan peruntukan geran daripada pihak ICAN bagi program alumni.pdf](#)
5. [6.2.2.2_Kertas kerja permohonan geran Project of Happiness _Happy Kids, Happy World1.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Ketiga - tiga proses utama ini juga digunakan secara meluas bagi mencapai objektif dan PI di semua jabatan di UiTMCNS. OIA dan BHEA adalah antara jabatan selain daripada PJIM&A yang menggunakan proses utama ini untuk menjayakan projek-projek yang dirancang. Sebagai contoh projek yang dilaksanakan oleh Pusat Pengajian Biologi iaitu Program International Outbound bersama Universitas Andalas dan juga pelaksanaan Program Sulam - *Speak Out! (Cyberbully in My Phone: How Do I Get Out of It?)* di bawah Fakulti Pengajian Komunikasi dan Media.

Kedua-dua program ini dirancang hasil daripada 'brainstorming' di peringkat pusat pengajian dan kertas kerja program dimajukan ke jawatankuasa berkaitan untuk mendapatkan kelulusan program. Selepas kelulusan diperolehi proses permohonan dana serta geran dilakukan. Sumbangan tajaan bagi pelaksanaan program ini di perolehi daripada pelbagai pihak perseorangan dan agensi termasuk UiTM Cawangan Negeri Sembilan sendiri, L'Oréal Malaysia dan The Pantheon di Mesamall Nilai.

Program International Outbound bersama Universitas Andalas ini berlangsung pada 19-24 Ogos 2019 di Kampus Koh Padang Sumatera Barat. Program dimulakan dengan menandatangani MoU diantara UiTMCNS dengan Universiti Andalas. Salah satu aktiviti yang dijalankan bersama Universiti Andalas adalah aktiviti CSR iaitu program berasaskan sains dan teknologi bersama Pesantren Darul Ulum. Hasil kutipan yang diperolehi daripada orang awam telah diserahkan kepada Pesantren untuk digunakan dalam menambah baik kemudahan pesantren berkenaan. Bagi program *Speak Out! (Cyberbully in My Phone: How Do I Get Out of It?)* pula dijalankan menggunakan platform atas talian iaitu Google Meet, Youtube Live dan juga facebook live. Ini merupakan salah satu kaedah alternatif bagi mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dalam membendung peningkatan kes Covid-19.

Keberkesanan program dinilai menggunakan borang maklumbalas yang diedarkan kepada peserta program. Antara dapatan maklumbalas ialah para peserta berpuas hati dengan program yang dijalankan kerana dapat berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan dengan komuniti yang terlibat. Selain itu, bagi Program International Outbound bersama Universiti Andalas, satu sesi post-mortem telah dijalankan. Hasil post-mortem mencadangkan untuk mempelbagaikan aktiviti untuk program yang sama di masa akan datang.

SENARAI BUKTI :

1. [6.3.1 LAPORAN TAPA - OUTBOUND ANDALAS.pdf](#)
2. [6.3.2 Kelulusan TAPA outbound Andalas.pdf](#)
3. [6.3.3 LAPORAN Speak it out.pdf](#)
4. [6.3.4 Speak it out.pdf](#)
5. [6.3.5 MAKLUMBALAS PROGRAM SPEAK OUT.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pihak penganjur bagi program berbentuk jalinan alumni, komuniti dan kesukarelawan sentiasa menjalankan pemantauan secara berkala bagi memastikan setiap proses kerja mengikut landasan yang betul dan seterusnya menjamin kelestarian pencapaian PI.

6.4.1.1 Pengumpulan data alumni

UiTMCNS sentiasa berusaha untuk membina hubungan baik dengan alumni dan memantapkan kaedah dan platform pengumpulan data. Di antara platform yang sentiasa dipantau adalah *Facebook* dan kumpulan *WhatsApp* Alumni UiTMCNS. Kedua-dua platform ini dilihat dapat membantu dalam menyebarkan maklumat seperti penganjuran program serta pengedaran kaji selidik alumni UiTMCNS (*Google Form*). Selain itu, terdapat lima program di bawah *UiTMCNS Alumni Empowerment Project 2020* telah dianjurkan dengan tujuan memperkukuhkan hubungan yang terjalin di antara alumni dan UiTMCNS selain mengemaskini maklumat terbaru alumni. Salah satu daripada program tersebut iaitu Program *Annual General Meeting* Persatuan Alumni UiTMCNS telah berjaya membentuk jawatankuasa persatuan alumni UiTMCNS dimana ianya merupakan langkah permulaan kepada terbentuknya Persatuan Alumni UiTMCNS secara rasmi di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 13 April 2021. Selain itu, pemantauan juga dapat dijalankan dengan berkesan melalui program bersama alumni yang dijalankan oleh program akademik. Cara ini boleh membantu pihak persatuan alumni UiTMCNS dalam mendapatkan maklumat alumni serta menambah ahli persatuan alumni UiTMCNS bertepatan dengan objektif *Alumni Empowerment Project*.

6.4.1.2 Proses permohonan dana/geran projek

Terdapat beberapa program berunsurkan jalinan alumni, komuniti dan kesukarelawan telah mendapat geran daripada pelbagai pihak. Sebagai contoh, pada tahun 2019, empat projek komuniti iaitu Projek MOLI (Mini & Mobile Library), Projek GLAD (Grammar Learning Adventures), *Project to Improve English in Rural Schools* dan Projek *Happy Kids Happy World* telah mendapat geran Yayasan Khind Starfish masing-masing bernilai RM4320, RM4200, RM3100 dan RM4500, manakala satu projek melibatkan alumni UiTMCNS iaitu *UiTMCNS Alumni Empowerment Project 2020* telah berjaya mendapat geran Alumni sebanyak RM7000 di bawah peruntukan Tabung Amanah Alumni. Pada tahun 2020, satu projek komuniti iaitu Projek Modul Pemprosesan Makanan UiTMCNS telah mendapat sumbangan daripada kerajaan Negeri Sembilan. Projek ini bukan sahaja berjaya menyebarkan ilmu dan kemahiran kepada komuniti setempat, tetapi pada masa yang sama, projek ini juga berjaya menjana pendapatan universiti. Pada setiap tiga bulan, penyelaras setiap bahagian seperti bahagian Jaringan Komuniti akan menghantar emel kepada setiap warga UiTMCNS bagi mendapatkan data penglibatan program komuniti bagi tujuan rekod dan pemantauan. Antara maklumat yang diminta adalah implikasi kewangan, sumber, jumlah dana serta nama penaja.

UiTMCNS yang turut mengambil langkah proaktif bagi membantu warga UiTMCNS mendapatkan geran bagi menjalankan program jalinan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Antara langkah yang telah diambil adalah dengan memanjangkan hebahan geran yang berkaitan serta menganjurkan taklimat permohonan geran serta bimbingan dalam menghasilkan pembentangan yang berjaya. Sebagai contoh, bahagian jaringan komuniti telah memanjangkan iklan pembukaan Geran *Project for Happiness* oleh Yayasan Khind Starfish Malaysia serta menganjurkan program Webinar pembukaan geran tersebut.

6.4.1.3 Pelaksanaan projek melibatkan Jaringan Alumni/ Komuniti dan Kesukarelawanan serta Mou/MoA

Bagi memastikan setiap penganjur melaksanakan program mengikut prosedur yang betul, beberapa mekanisme pemantauan telah dilakukan oleh pihak UiTMCNS. Mekanisme pemantauan tersebut adalah seperti:

- a. Pelaporan maklumat program oleh penyelarar setiap bahagian (Jaringan Industri, Kebolehpasaran Graduan, Komuniti dan Alumni) pada setiap tiga bulan melalui Ketua Pusat Pengajian/ Koordinator bagi program yang dianjurkan oleh fakulti, pusat pengajian dan jabatan.
- b. Pelaporan oleh Koordinator ICAN ke dalam Sistem Maklumat Analisa & Repositori (SMART) pada setiap bulan. Sistem ini turut dipantau secara langsung oleh pihak Bahagian Transformasi Unit (BTU) UiTM Shah Alam.
- c. Pelaporan kepada Unit Perancangan Strategik UiTMCNS serta pelaporan dalam setiap mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) dan Jawatankuasa Jaringan Negeri (JJN) kampus

Laporan yang dihantar turut mengambil kira keberkesanan program di mana penganjur program perlu menganalisis maklum balas daripada setiap peserta. Bagi program di bawah pelaksanaan unit ICAN, pemantauan dilakukan dengan mengadakan mesyuarat berkala bersama penyelarar setiap bahagian bagi ketiga-tiga kampus (Kuala Pilah, Seremban dan Rembau).

BHEA UiTMCNS turut menganjurkan program komuniti di bawah projek *Service Learning Malaysia - University for Society* (SULAM). Antara program di bawah projek SULAM adalah program *Speak Out! (Cyberbully in My Phone: How Do I Get Out of It?)* yang dianjurkan oleh pelajar Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) Penyiaran (MC243), Fakulti Pengajian Komunikasi dan Media, UiTM Kampus Rembau. Program ini merupakan salah satu tugas bagi kod kursus Undang-Undang Media, Peraturan dan Etika (COM540). Pensyarah yang mengajar kod tersebut sentiasa memantau perkembangan program dengan mengadakan mesyuarat berkala bersama jawatankuasa induk bagi membincangkan sebarang masalah, halangan atau isu yang timbul sepanjang perancangan program. Keberkesanan program *Speak Out!* diukur melalui kajian tinjauan yang diedarkan pada sesi awal (*Entrance Survey*) dan akhir program (*Exit Survey*). Jawatankuasa induk juga telah menghubungi pihak sekolah dua hari selepas program berakhir bagi mendapat maklum balas dari pihak guru. Pemantauan juga turut dilakukan terhadap komen-komen yang telah ditinggalkan di laman media sosial program *Speak Out!* untuk mengukur tahap penerimaan oleh penonton luar.

Bagi MoU/ MoA, proses pemantauan dilakukan oleh BHEA, OIA dan ICAN berdasarkan kepada kategori MoU sepertimana ditunjukkan dalam **Jadual 6.2**. Proses pemantauan MoU dijalankan bagi memastikan setiap PTJ melaksanakan aktiviti dalam jangka masa yang diperuntukkan serta berdasarkan skop kerjasama yang ditetapkan dalam MoU. Ketiga-tiga pihak pemantau akan memantau MoU/ MoA yang masih aktif dengan memberi peringatan kepada pengurus projek untuk mengemaskinikan maklumat secara berkala.

SENARAI BUKTI:

1. [6.4.1.1 Facebook dan Paparan Skrin Kumpulan WhatsApp Alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan.pdf](#)
2. [6.4.1.2 Laporan Annual General Meeting Persatuan Alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan.pdf](#)
3. [6.4.1.3 Emel pengumpulan data penglibatan program komuniti UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah.pdf](#)
4. [6.4.1.4 Kajian Tinjauan Buli Siber – University for Society \(SULAM\) Cyberbully.pdf](#)
5. [Jadual 6.2 Skop Pemantauan Mengikut Kategori MoU.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Terdapat beberapa risiko telah dikenalpasti semasa perancangan dan pelaksanaan proses kerja. Walaubagaimanapun, pihak PTJ berjaya mengatasi risiko tersebut dengan melaksanakan beberapa langkah alternatif bagi mencapai sasaran PI. Risiko serta langkah pengurusan setiap risiko adalah seperti mana di bawah:

6.4.2.1 Covid -19

Semasa pemantauan berkala dijalankan, terdapat beberapa PTJ yang menghadapi kekangan untuk melaksanakan program bagi PI yang ditetapkan. Bagi memastikan sasaran PI tercapai, unit ICAN UiTMCNS telah mengambil inisiatif dengan mengambil alih pelaksanaan program tersebut. Proses pengambilalihan ini akan dilakukan sekiranya pihak PTJ tidak melaksanakan program dalam tempoh enam bulan. Situasi pandemik Covid-19 yang sedang melanda seluruh dunia bermula pada Mac 2020 telah menyebabkan program secara bersemuka tidak dapat dijalankan. Walaubagaimanapun, UiTMCNS telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan program dalam norma baharu iaitu secara atas talian. Sebagai contoh, unit ICAN telah menganjurkan Webinar Geran *Project for Happiness* oleh Yayasan Khind Malaysia, Webinar Kemanusiaan bertajuk *The Power of Volunteerism* dengan Kerjasama Islamic Relief Malaysia dan Webinar Perkongsian Alumni bersama Alumni: *University's Hero: Alumni Perspective during Covid-19 Pandemic*.

Selain itu, bagi menzahirkan rasa kebertanggungjawaban UiTMCNS terhadap masyarakat yang terjejas akibat pandemik Covid-19, satu program berbentuk komuniti dan kesukarelawan iaitu Program Komuniti & Kesukarelawan warga UiTMCNS bersama Persatuan Alumni UiTMCNS: *Alumni Covid-19 Kit* UiTMCNS 2020 telah dijalankan. Program ini dianjurkan dengan tujuan untuk mengagihkan Covid-19 Kit (*mask* dan *hand sanitizer*) kepada pusat-pusat kebajikan terpilih dengan menggunakan peruntukan geran Alumni daripada Pejabat ICAN.

Pandemik Covid-19 juga telah menyebabkan program pengantarabangsaan secara bersemuka sepertimana dalam perjanjian MoU menjadi tergendala. Namun, kekangan ini boleh diatasi dengan menjalankan program atas talian melebihi 8 jam sebagai salah satu aktiviti mobiliti bagi pelajar.

6.4.2.2 Kesukaran mendapatkan data

Program yang melibatkan alumni memerlukan penglibatan sejumlah alumni UiTMCNS bagi mencapai PI yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, UiTMCNS menghadapi kesukaran untuk mendapatkan data alumni bagi ketiga-tiga kampus. Justeru itu, bagi mengatasi kekangan tersebut, pihak ICAN telah bekerjasama dengan pihak BHEP dan BHEA bagi mengesan para pelajar yang telah tamat pengajian, mewujudkan platform *Facebook* dan kumpulan *WhatsApp* Alumni UiTMCNS dan mewujudkan jawatankuasa alumni bagi penyediaan kertas kerja permohonan pendaftaran Persatuan Alumni UiTMCNS di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

SENARAI BUKTI :

1. [6.4.2.1 Webinar Geran Project for Happiness oleh Yayasan Khind Malaysia.pdf](#)
2. [6.4.2.2 Webinar Kemanusiaan Bertajuk The Power of Volunteerism.pdf](#)

3. [6.4.2.3 Webinar Perkongsian Alumni bersama Alumni Bertajuk University.pdf](#)
4. [6.4.2.4 Alumni Covid-19 Kit UiTMCNS 2020.pdf](#)
5. [6.4.2.5 Laporan Annual General Meeting Persatuan Alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan.pdf](#)

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Unit ICAN telah melakukan beberapa tindakan penambahbaikan bagi menambah baik secara berterusan proses yang sedia ada bagi mencapai kecekapan proses kerja yang maksimum. Tindakan penambahbaikan tersebut adalah:

- i. Mengadakan Program Jerayawara di ketiga-tiga kampus (Kuala Pilah, Seremban, Rembau) bagi membuat hebahan secara holistik kepada seluruh warga kampus berkaitan PI, peranan, tanggungjawab dan aktiviti-aktiviti di bawah Bahagian PJIM&A UiTMCNS. Ini bagi mendapatkan sokongan dan penyertaan dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan daripada warga kampus UiTMCNS.
- ii. Kewujudan kumpulan WhatsApp bersama Alumni dapat memperkasakan lagi jaringan Alumni dan mengeratkan lagi hubungan sesama Alumni dan juga hubungan Alumni dengan UiTMCNS. Seterusnya mengadakan Annual General Meeting Persatuan Alumni UiTMCNS pada 2 Disember 2020 bagi melantik jawatankuasa Alumni serta mengadakan perbincangan berkaitan penubuhan Persatuan Alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan.
- iii. Disebabkan faktor berkerja dari rumah, risiko pandemik dan kekangan dana yang dihadapi, gabungan program komuniti dan sukarelawan yang mempunyai objektif yang sama dilaksanakan berdasarkan perjanjian MoU / MoA yang sedia ada. Ini adalah lebih efisien dan memberi impak dan hasil daripada melaksanakan MoU / MoA yang baru yang akan mengambil masa dan memerlukan peruntukkan dana. Program ini dijalankan secara atas talian dan mendapatkan maklum balas peserta setiap program yang dijalankan untuk analisis keberkesanan program.

SENARAI BUKTI :

1. [6.4.3.1 Program Jerayawara.pdf](#)
2. [6.4.3.2 Facebook dan paparan skrin kumpulan WhatsApp Alumni UiTMCNS.pdf](#)
3. [6.4.3.3 Program atas talian.pdf](#)
- 4.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Inovasi yang dilaksanakan dalam proses kerja adalah penggunaan sistem yang dilengkapi dengan teknologi yang menggunakan pakai tools internet agar maklumat dari ahli dan kemaskini status operasi atau projek dapat dipantau secara secara real time oleh semua ahli terutamanya ketua projek.

Dengan cara penggunaan sistem ini, masalah yang timbul semasa proses pelaksanaan dapat dipantau dan dikawal serta diambil tindakan secara terus oleh ahli atau ketua projek. Tambahan lagi, komunikasi berkaitan tahap pencapaian dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik. Oleh itu, cara ini dapat memastikan projek komuniti yang dirancang dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan walaupun dibelenggu dengan masalah Pandemik Covid-19 dan kekangan yang timbul akibat kekangan tempoh kawalan pergerakan (PKP) yang tidak menentu.

Selain itu, disebabkan isu global pandemik Covid-19 ini, unit di bawah Bahagian PJIM&A, UiTMCNS mengambil inisiatif dengan menganjurkan Anugerah Apresiasi Rektor 2020 yang dilakukan secara dalam talian. Anugerah yang berprestij ini julung kalinya pada 4 Mac 2020 disiarkan secara langsung sebagai tanda penghargaan buat seluruh warga UiTMCNS yang telah bekerja keras dengan cemerlang dalam menyumbang kepada PI bahagian PJIM&A dan Universiti, khususnya. Selain itu, anugerah ini juga menjadi galakan dan motivasi bagi seluruh warga UiTMCNS untuk terus cemerlang dalam bidang penyelidikan, penerbitan, inovasi, keusahawan dan juga kemasyarakatan walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran masa kini.

SENARAI BUKTI :

1. [6.5.1 Poster Anugerah Apresiasi Rektor 2020.pdf](#)
2. [6.5.2 Senarai Nama Anugerah Apresiasi Rektor 2020.pdf](#)
3. [6.5.3 Pautan YouTube Anugerah Apresiasi Rektor 2020.pdf](#)
- 4.
- 5.
- 6.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Pelaksanaan Strategi UiTMCNS.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Demi memperkasakan nilai dan melestarikan keberhasilan, UiTMCNS telah berusaha memberikan komitmen dan sokongan yang terbaik melalui pelaksanaan program-program yang dirangka bagi memberi manfaat yang lebih besar bukan sahaja kepada pihak universiti untuk mendapatkan pendedahan dan pengalaman yang berharga, malahan juga untuk menyokong pembangunan industri dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya.

Dalam menetapkan pelan strategi untuk tahun 2019 dan 2020, UiTMCNS turut merujuk kepada pelan strategik yang terkandung di dalam Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025) yang telah dilancarkan pada 9 Februari 2020, di mana ia dijadikan sebagai kayu ukur penentuan pencapaian tahunan bagi setiap kampus.

UiTMCNS melalui perancangan halatuju bersama warganya telah diamanahkan sebanyak 13 KPI (Tahun 2019) dan 17 KPI (Tahun 2020) yang berkaitan dengan bidang tujuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan.

Sebagai langkah pemeraksanaan dalam menggerakkan jabatan untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang berkaitan bidang tujuan, UiTMCNS telah mengambil pendekatan untuk melantik seorang pengarah projek, pengurus projek serta ahli projek yang akan menggalas tanggung jawab dalam menggerakkan segala aktiviti di peringkat UiTMCNS melibatkan PTJ seperti PJIM&A, HEA, HEP dan Pendaftar.

Bagi bidang tujuan ini, PJIM&A telah menerima majoriti daripada PI tersebut dan ia dipertanggungjawabkan untuk menjadi pemantau bagi memastikan semua KPI ini tercapai dan setiap aktiviti yang dirancang telah dibahagikan mengikut skop tugas selari dengan bidang tujuan alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Unit ICAN yang diketuai oleh Koordinator ICAN bertanggungjawab dalam mengkoordinasi setiap aktiviti dengan dibantu oleh penyelar ICAN yang telah dilantik bagi kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau. Ia bertujuan memastikan pencapaian semua PI di ketiga-tiga kampus satelit UiTMCNS. Selain itu, program berbentuk Kebolehpasaran Graduan (GE), jaringan ALUMNI dan kerjasama serantau melalui MoU/MoA turut dikoordinasi oleh unit ICAN.

Oleh yang demikian, beberapa kaedah penyampaian maklumat telah dijalankan sepanjang tahun 2019 dan 2020, bagi memastikan pengurusan kanan dapat menyebarluas dan menyampaikan segala informasi berkaitan dengan sasaran PI kampus kepada setiap warga, agar mereka mendapat maklumat yang tepat dan jelas, seterusnya mewujudkan komunikasi berkesan di antara kedua-dua belah pihak.

Pelaksana bagi setiap PI ini telah diamanahkan kepada PTJ yang berkaitan untuk disempurnakan sepanjang tempoh 2019 dan 2020. Selain itu, prestasi pencapaian setiap PI di bawah PTJ akan dilaporkan secara berkala menggunakan sistem atas talian dan mesvuarat di

peringkat PTJ untuk makluman dan perhatian semua ahli.

UiTMCNS telah berjaya memenuhi kesemua PI yang ditetapkan di bawah bidang tujuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan untuk tempoh 2019 dan 2020, melebihi bilangan yang telah disasarkan oleh BTU. Peningkatan pencapaian keseluruhan UiTMCNS daripada 79% pada tahun 2019 kepada 85% pada tahun 2020 membuktikan bahawa penglibatan dan komitmen setiap warga UiTMCNS memainkan peranan penting dalam memastikan setiap perancangan strategi yang telah dirangka dapat direalisasikan sepenuhnya oleh setiap PTJ.

Hasil pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik oleh kepimpinan kanan UiTMCNS, pencapaian PI bagi bidang utama jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan dapat dilihat melalui kejayaan UiTMCNS merangkul sebanyak dua anugerah ketika berlangsungnya Mesyuarat Timbalan Naib Canselor ICAN bersama Rektor, Dekan, Timbalan Rektor Kampus (PJI) dan Timbalan Dekan ICAN dan PJI (MeTIC 7). Dua anugerah tersebut adalah Anugerah Jaringan Alumni: Kategori Khidmat Kepakaran (Tempat Kedua) dan Anugerah Jaringan Industri: Kategori MoU & MoA (Tempat Kedua). Penganugerahan yang diperolehi sekaligus membuktikan bahawa kepimpinan kanan UiTMCNS sentiasa komited dalam membangunkan modal insan, menyalurkan kepakaran, mewujudkan peluang keusahawanan dan membantu masyarakat yang memerlukan melalui tadbir urus yang dinamik, sistematik serta efisien, dan sekaligus memastikan keberhasilan bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.1.2 TAHAP \(Level\)_UiTMCNS.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.1.3 TREN \(Trend\)_UiTMCNS.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.1.4 PERBANDINGANTANDA ARAS \(Comparison-Benchmark\)UiTMCNS.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.1.5 KEPENTINGAN \(Importance\)UiTMCNS.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Sumber Manusia UiTMCNS

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCNS sangat peka terhadap cabaran global semasa yang menuntut keperluan melahirkan graduan dan tenaga kerja holistik dan mapan. Sebagai contoh, **Pandemik Covid 19** yang melanda dunia telah memberi impak menyeluruh dalam pelbagai segi samaada ekonomi, masyarakat, kesihatan, pendidikan, pengangkutan dan lain-lain aspek kehidupan sejagat. Sejalan dengan itu, pendekatan yang telahpun diambil oleh kepimpinan kanan UiTMCNS iaitu memberi fokus kepada jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan sebagai teras utama dalam menentukan halatuju dan pembangunan strategik kampus bagi tahun 2019-2020 sangat bertepatan.

Kejayaan yang diraih adalah terhasil daripada penglibatan dan pengurusan sumber manusia yang cekap di UiTMCNS dan mampu menjadi rakan kongsi strategik bagi memantapkan usaha ke arah mencapai matlamat dan objektif yang telah disasarkan seperti dalam perancangan strategik. UiTMCNS mempunyai kelebihan dari segi tenaga sumber manusia kerana 73.71% atau 530 orang daripada 719 orang keseluruhan warga kerja adalah terdiri daripada generasi Gen Y & Z (Milenia) yang telah terbukti mampu mewujudkan suasana dan budaya kerja yang cemerlang dan berkualiti di UiTMCNS. Kekuatan tenaga kerja samaada akademik atau staf bukan akademik ini telah dapat **mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman** yang luas dalam menjayakan bidang tumpuan yang diterajui oleh Bahagian PJIM&A.

Bahagian PJIM&A yang telah dipertanggungjawabkan untuk memacu pencapaian PI yang ditetapkan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCNS telah berjaya membuah hasil pencapaian dalam bidang tumpuan. Ini adalah bertepatan dengan objektif Kualiti UiTMCNS iaitu memastikan penglibatan pelajar dan staf dalam program kepimpinan dan khidmat masyarakat di peringkat nasional dan antarabangsa dan kadar kebolehpasaran pelajar pada tahun 2019 dan 2020 tercapai.

Untuk mengoptimalkan gerak kerja dan bidang tumpuan, Bahagian PJIM&A telah membentuk Jawatankuasa ICAN yang terdiri daripada 51 orang staf akademik yang berlatarbelakang pelbagai fakulti, bidang, pengalaman dan kepakaran. Didalam jawatankuasa kecil ini, terdapat penyelaras bagi mewakili unit-unit di dalam ICAN mengikut setiap kampus. Ia berfungsi untuk mengetuai dan menggerakkan segala program yang telah dirancang sepanjang tahun 2019/2020. Selain itu, staf bukan akademik daripada pelbagai bahagian seperti BHEA, BHEP, Pejabat Pentadbiran, Bendahari dan lain lain unit juga turut memberi sokongan padu untuk memastikan penghasilan bidang tumpuan dapat dijayakan dengan cemerlang. Sebagai contoh di BHEA juga berjaya menarik penglibatan staf akademik dan bukan akademik membantu menganjurkan 21 program sepanjang tahun 2019 hingga 2020.

Di peringkat fakulti juga turut memberi sumbangan yang sangat signifikan untuk mencapai hasil bidang tumpuan sebagai contoh pelbagai program berkaitan alumni, komuniti dan kesukarelawan yang telah dianjurkan samada di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan universiti di Fakulti Pengurusan Perniagaan sepanjang tahun 2019 hingga 2020 telah berjaya mendapat penglibatan seramai 138 orang pensyarah bersama 600 orang pelajar. Diantara program yang telah dianjurkan adalah Program Pemantapan Komunikasi Berkesan dan Trek Usahawan Berjaya: Kreatif Atau Inovasi.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.2.2 TAHAP \(HASIL 2\) UiTMCNS.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.2.3 TREN \(HASIL 2\) UiTMCNS.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.2.4 PERBANDINGAN \(HASIL 2\) UiTMCNS.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.2.5 KEPENTINGAN \(HASIL 2\) UiTMCNS.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Operasi UiTMCNS

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sejajar dengan misi UiTMCNS untuk mengukuhkan jaringan alumni, komuniti dan kemasyarakatan, pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dan 2020 mengikut perancangan awal. Penglibatan alumni dalam pelbagai program yang telah dirangka serta usaha kerjasama yang telah berjaya dianjurkan dengan berkolaborasi bersama pihak-pihak luar baik dari sektor tempatan sehingga ke peringkat antarabangsa. Pelaksanaan proses-proses utama bermula dari penganjuran program aktiviti sehinggalah pengumpulan data-data alumni di UiTMCNS diperincikan dalam Kriteria 1 hingga 6. 13 petunjuk prestasi (PI) pada tahun 2019 dan 17 pada tahun 2020 yang berkaitan dengan bidang tujuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan seperti mana yang telah ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). 3 proses utama iaitu proses pengumpulan data Alumni, proses permohonan kelulusan dana serta geran dan proses pelaksanaan program dibawah jaringan komuniti, kemasyarakatan dan alumni.

Proses pertama iaitu pengumpulan data alumni telah giat diusahakan oleh UiTMCNS dengan penubuhan kelab alumni yang bukan sahaja dirangka bagi mengukuhkan lagi perhubungan dengan pihak alumni yang merupakan bekas pelajar UiTM. Seterusnya, usaha ini turut disemai dengan pengukuhan hubungan melalui program-program bagi menyemai kelestarian hubungan antara pihak UiTMCNS dan para alumni UiTM. Hal ini menyebabkan data-data mengenai halatuju alumni setelah menamatkan pengajian dapat dikumpul serta disimpan bagi tujuan masa hadapan. Seterusnya, pihak UiTMCNS turut memandang serius mengenai dana-dana yang diperlukan bagi tujuan pengukuhan ini, maka pelbagai dana telah dikeluarkan bermula dari tahun 2019-2020. Meskipun negara berdepan dengan pandemik dan hampir setiap unit berdepan dengan kesukaran terutamanya mengenai nilai jimat cermat yang perlu dilaksanakan. Oleh yang demikian, dana-dana yang diluluskan mempunyai penelitian serta mencapai beberapa ciri utama sebelum diluluskan. Namun begitu, dana-dana pengukuhan tetap berjaya dilaksanakan. Hasilnya, meskipun berdepan dengan pandemik pihak UiTMCNS masih berjaya merangka beberapa proses pengukuhan yang telah memberi impak yang besar serta mapan selangkah ke hadapan.

Selain itu, pihak UiTMCNS telah berjaya melaksanakan program serta menjalinkan hubungan diplomasi baik dari agensi luar daripada agensi tempatan sehingga berjaya mengukuhkan hubungan dengan pihak luar dengan rakan nusantara seperti negara Indonesia. Hasilnya, pelbagai MOU serta MOA yang telah berjaya dihasilkan. Tidak cukup dengan itu, hubungan persaudaraan ini dikukuhkan lagi dengan penghasilan program meskipun melalui alam maya. Hal ini melihat kepada usaha kerjasama yang baik bagi pihak UiTMCNS meskipun dalam keadaan negara berdepan dengan pandemik serta menghadapi kesukaran terutama dalam sudut kewangan. Gagasan melalui pengukuhan ini telah berjaya membawa satu era baru dalam unit alumni yang telah berjaya mencipta pelbagai kejayaan melihat kepada 3 proses utama yang dapat dibanggakan.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.3.2 TAHAP_UiTMCNS.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.3.3 TREN_UiTMCNS.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.3.4 PERBANDINGAN_UiTMCNS.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.3.5 KEPENTINGAN_UiTMCNS.pdf](#)